

BIAR PUTIH TULANG TIDAK PUTIH MATA, MERDEKA TETAP MERDEKA: MEMORI PERJUANGAN MOHAMAD JOHARI BIN ANANG MENENTANG BRITISH DI SARAWAK, 1945-1948

Abdullah Zakaria Ghazali*

Abstrak

Mohammad Johari bin Anang atau lebih dikenali sebagai Johari Anang adalah salah seorang tokoh yang tidak ternilai jasa dan sumbangan dalam perjuangan menentang serahan, dan kemudiannya kemerdekaan Sarawak. Pada peringkat awal perjuangannya melalui persuratkhabaran. Selain itu beliau terlibat sebagai pengasas, dan seterusnya menyandang jawatan sebagai Setiausaha Agung Persatuan Melayu Sarawak (kemudiannya dikenali sebagai Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak - PKMS). Ketika menyandang jawatan setiausaha agung PKMS, beliau muncul sebagai pejuang yang sangat berani, membangkitkan kesedaran dan menentang langkah kerajaan British menjadikan Sarawak sebagai jajahan mahkota, serta membebaskan Sarawak daripada jajahan mahkota. Dalam perbincangan Johari Anang ini sumber sekunder dan primer dirujuk, antaranya pelbagai tulisan berkaitan dengan beliau, dan yang utama surat Johari Anang yang tersimpan di Arkib Kebangsaan United Kingdom, London. Kandungan surat tulisan Johari Anang menjelaskan yang beliau adalah salah seorang tokoh yang tidak dapat disangkal sebagai seorang pejuang Melayu Sarawak yang gigih, berani, dan berdedikasi.

Kata Kunci: Johari Anang, Merdeka Sarawak, Penentangan British, PKMS

Pendahuluan

Suasana politik Sarawak mengalami perubahan besar pada tahun 1941 dan 1946. Pada 1941, pemerintahan keluarga Brooke berakhir apabila tentera Jepun menyerang dan menduduki Sarawak. Raja Sarawak terakhir, Charles Vyner Brooke berada dalam buangan, kerajaan baginda raja pula merancang mengambil alih pentadbiran Sarawak, dan menjajdikan Sarawak sebagai jajahan mahkota. Rancangan ini dikenali dalam sejarah Sarawak, dan empayar British sebagai serahan. Apabila Jepun menyerah kalah kepada pihak Berikat (*Allied*) pada tahun 1945, kerajaan baginda raja melaksanakan rancangan menjadikan Sarawak sebagai

* Abdullah Zakaria Ghazali, PhD (Tanah Melayu), DMSM ialah Profesor Emeritus Universiti Tanah Melayu; Penyandang Kursi Sultan Mizan Zainal Abidin, UniSZA; Felo Persatuan Sejarah Malaysia; mantan Profesor Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Tanah Melayu, Kuala Lumpur.

jajahan mahkota. Langkah kerajaan baginda raja ini menimbulkan dua kelompok penting dalam masyarakat Sarawak: penyokong serahan dan penentang serahan. Walaupun mendapat tentangan, tetapi serahan mendapat undi majoriti Majlis Mesyuarat Negeri, dan Rang Undang-undang Serahan diluluskan dalam sidang Majlis Council Negeri 1946. Susulannya, pada 1 Julai 1946, Sarawak diisytiharkan sebagai jajahan mahkota dalam upacara rasmi yang berlangsung di Pengakalan Batu, Kuching, Sarawak. Pengisytiharan ini tidak menghambat perjuangan golongan anti-serahan. Mereka terus berjuang di bawah payung pertubuhan terbesar Sarawak ketika itu, PKMS. Selain itu muncul pelbagai pertubuhan, dan individu tertentu menyokong gerakan menentang Sarawak sebagai sebuah jajahan mahkota. Dalam arus perjuangan menentang Sarawak sebagai jajahan mahkota ini, terserlah seorang tokoh Melayu, setiausaha agung PKMS, Johari bin Anang. Peranan dan sumbangan beliau dalam gerakan ini sangat penting. Johari Anang menjadi penghubung utama, melalui surat dengan pemimpin pertubuhan sebagai pembangkit semangat berjuang, dan meneruskan perjuangan menentang Sarawak sebagai jajahan mahkota. Perjuangan ini menjadi lemah selepas pembunuhan Gabenor Sarawak Duncan Stewart di Sibu pada 1949, dan tamat apabila Raja Muda Sarawak Anthony Brooke mengarahkan memberhentikan perjuangan pada 1952, setelah tuntutan beliau dalam mahkamah di Brunei, dan *Privy Council* ditolak.

Suasana Sekitar Mewarnai Perwatakan Johari

Johari ialah putera bumi kenyalang, lahir di Kuching, Sarawak pada 1889. Setakat maklumat ditemui, keluarga berasal dari Palembang, Sumatera, Indonesia. Ayahandanya keturunan India Muslim. Seorang tokoh Sarawak yang tegal menentang serahan Sarawak sebagai Jajahan Mahkota British. Kemudiannya perjuangannya bertambah nyaring serta berani, menyatakan “Biar puteh tulang tidak puteh mata”, dan “Merdeka tetap merdeka”.¹ Johari ialah guru bahasa Inggeris; salah seorang pengasas *Fajar Sarawak*, Persatuan Melayu Sarawak (kemudiannya bertukar nama sebagai Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak), *Utusan ASAS*, dan *Utusan Sarawak*. Johari ialah Setiausaha Agung pertama Persatuan Melayu Sarawak/Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak.²

Suatu perkara yang perlu dinyatakan, perkembangan sekitar Sarawak sejak 1900 hingga tamatnya Perang Dunia Kedua, 1945 sangat banyak mempengaruhi pembentukan citra Johari Anang. Perkembangan ini melahirkan seorang tokoh Sarawak yang gigih perjuangan menyedarkan penduduk Sarawak tentang betapa pentingnya bangkit memajukan sosial dan ekonomi, serta penyedaran politik dalam kalangan pribumi Sarawak, khususnya Melayu. Oleh kerana itu beliau terlibat cergas dalam persuratkhabaran Sarawak kerana yakin banyak perubahan dan kesedaran boleh dilakukan melalui surat khabar. Tidak cukup penglibatan dalam akhbar, beliau terlibat lagi dalam pertubuhan yang sangat terkenal Sarawak, PKMS. Ketika dalam PKMS ini, sebagai Setiausaha Agung, Johari Anang memainkan peranan penting menyebarkan dan menanam fikiran menentang rancangan, serta serahan Kerajaan Baginda Raja menjadikan Sarawak sebagai Jajahan Mahkota. Walaupun perjuangan menghalang Sarawak sebagai jajahan mahkota gagal, Johari Anang meneruskan perjuangan murninya

1 FO 141/12343, “CPS”, Johari Anang kepada Saudara Sirat H Yaman, Sibu, Sarawak, 25th October, 1949.

2 Nordi Achie, “Cinta, Perjuangan dan Air Mata Pengorbanan: Mengerlingi Kebenaran Dalam Lipatan Sejarah Sarawak, 1946-1950”, *Purba*, Jurnal Persatuan Muzium Malaysia, Bilangan 37-2018, hlm. 224.

untuk memerdekakan Sarawak. Perjuangan Johari Anang, dan juga tokoh lain mulai lemah selepas kerajaan British Sarawak mengambil tindakan membanteras perjuangan ini selepas 1948.

Jika dibuka memori sejarah Sarawak, perjuangan menentang kuasa asing bermula cergas sejak pribumi menentang pentadbiran Brooke. Pentadbiran James Brooke dan Charles Brooke tidak sunyi daripada gerakan penentangan tempatan. James Brooke (1841-1868) menghadapi tentangan yang dipimpin, misalnya Sherif Mullah, Sherif Shahab, Rentap, Sherif Masahor, Datu Patinggi Abdul Gapur, dan Abang Apong. Sementara Charles Brooke (1868-1917) menghadapi, antaranya, gerakan tentangan di bawah pimpinan Banting dan Ngumbang. Perjuangan peribumi ini memberi sumbangan semangat perjuangan mempertahankan bumi Sarawak dalam kalangan patriot dan nasionalis, antaranya, Johari Anang.

Sikap pribumi, khususnya Melayu mengalami perubahan penting pada 1930-an. Kebangkitan kesedaran sosioekonomi di Semenanjung Tanah Melayu mempengaruhi kesedaran masyarakat Melayu di Sarawak. Peningkatan penduduk Cina dari 45,000 pada 1909 ke angka 123,626 pada 1939 menimbulkan kebimbangan dalam kalangan Melayu Sarawak. Golongan pendidikan Melayu sedar tentang kelemahan pendidikan dan ekonomi Melayu berbanding Cina. Di atas kesedaran ini sekumpulan Melayu: Haji Mohd Daud Abd Ghani, Mohd Awi Awang, Johari Anang (Mohd Johari Anang), dan H.K. Abd Rahman menerbit akhbar Melayu, sekali dua minggu, *Fajar Sarawak*, dengan cogan kata “fajar telah menyinsing bangunlah bangsaku”. Sementara itu pengaruh kegiatan Persatuan Sahabat Pena Tanah Melayu (PASPAM) yang bermula di Pulau Pinang pada 1934 merebak ke Sarawak. Berikutnya golongan pendidikan Melayu Sarawak menubuhkan cawangan PASPAM di Kuching pada 1936; Yang Dipertua, Datu Amar; Mohd Nawi, Setiausaha; Hasbee Abu Bakar, Penolong Setiausaha; jawatankuasa, Abang Haji Zaini, Abang Dawi, Abdul Rahman Wahid, dan Ahmad Muslim. Cawangan PASPAM berkembang di Sarawak, Sibul, Lutong, dan Miri.³

Kesedaran dalam kalangan Melayu bertambah semarak di Sarawak. Pada 1936, ditubuhkan Kelab Bumiputera di Kuching, Miri, dan Sibul. Seterusnya pada 1937, Persatuan Melayu Sarawak⁴ (kemudiannya dikenali sebagai PKMS) ditubuhkan, tetapi hanya lulus untuk pendaftaran pada 10 Oktober 1939, dan penaungnya Datu Patinggi Abang Haji Abdullah.⁵ PKMS dipimpin: Yang Dipertua, Datuk Amar Abang Sulaiman bin Abang Taha Shahdan;⁶ Naib Yang Dipertua, Haji Kawi bin Saed, Haji Abdul Rahman bin Haji Kassim, Haji Ali bin Hossen dan Haji Bolhassan bin Haji Daud; Setiausaha Agung, Johari Anang, dan Penyimpan

-
- 3 Sabihah Osman, *Perkembangan Pelajaran Bumiputera Sarawak 1841-1941*, hlm. 141. Nordi Achie, *Akhbar Melayu Perjuangan di Sarawak*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2003, hlm. 16.
 - 4 Hashim Fauzy Yaacob, *Kedudukan Orang Melayu Sarawak di bawah Penjajahan British 1946-1963*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2024, hlm. 135.
 - 5 Nordi Achie, *Akhbar Melayu Perjuangan di Sarawak*, hlm. 84. Sabihah Osman, *Perkembangan Pelajaran Bumiputera Sarawak 1841-1941*, hlm. 142, Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak didaftarkan pada Januari 1939.
 - 6 Abang Sulaiman dilahirkan pada 1875, di Jedah, Saudi Arabia; mendapat didikan awal di Sekolah St. Thomas, dan St. Joseph, Kuching. Pada 1891 berkhidmat di Pegawai Tanah, dan pernah juga berkhidmat Jabatan Kerja Awam. Seterusnya pada 1920, beliau berkhidmat semula di Pejabat Tanah; pada 1924, Abang Sulaiman dilantik sebagai Penolong Pegawai Tanah. Pada 1928, ketika pemerintahan Raja Charles Brooke, Abang Sulaiman dianugerahkan gelaran Datu Amar. Apabila cawangan PASPAM ditubuhkan di Kuching pada 1936, Abang Sulaiman dilantik sebagai pengerusi. Oleh kerana bersikap menyokong serahan Sarawak sebagai jajahan mahkota, Abang Sulaiman dilucutkan jawatan sebagai Presiden PKMS pada 27 Februari 1946, dan PKMS dipimpin oleh Abang Haji Zaini Datu Bentara Hashim. Nordi Achie, *Akhbar Melayu Perjuangan di Sarawak*, nota hujung 79, hlm. 103.

Wang (Bendahari), Abang Mohammad Daim bin Abang Abdul Rahim.⁷ Kesedaran terhadap Melayu Sarawak dicerminkan daripada matlamat perjuangan PKMS:

- (1) Untuk menyatupadukan orang Melayu dan bekerja untuk kemajuan mereka.
- (2) Untuk menggalakkan dan meninggikan Perniagaan (Ekonomi) Pelajaran, Kebudayaan dan Bahasa Melayu.⁸
- (3) Memelihara dan menjaga serta meluaskan Syiar Agama Islam.
- (4) Bertindak untuk mewakili orang-orang Melayu dengan Kerajaan.⁹

Kegiatan PKMS terhalang ketika Sarawak diperintah oleh tentera Jepun dari 1942 hingga 1945, diharamkan oleh pemerintah tentera Jepun kerana dipercayai berbau politik, dan mendatangkan bahaya kepadanya.¹⁰ Namun begitu pengalaman pentadbiran tentera Jepun ini banyak menyedarkan Melayu Sarawak dalam pelbagai aspek, khususnya selok belok politik dan pentadbiran.

Ketika pendudukan Jepun di Sarawak, kerajaan baginda raja merancang dengan teliti bentuk pentadbiran negeri jajahan dan lindungan selepas perang tamat, dan menduduki negeri berkaitan. Ketelitian tersebut dapat dilihat daripada langkah kerajaan baginda raja membentuk beberapa jawatankuasa untuk membincangkan perkara itu. Sebuah jawatankuasa dikenali sebagai Unit Perancangan Borneo (*The Borneo Planning Unit*) diberi tanggungjawab membincangkan langkah dan kaedah bentuk pentadbiran Sarawak; termasuk Sabah dan Brunei. Pada awal Oktober 1943, C.F.C. Macaskie, mantan Ketua Hakim Borneo dilantik sebagai Ketua Unit, dan Ketua Hal ehwal Awam Borneo mencadangkan kerajaan baginda raja berkuasa penuh dalam pentadbiran negeri Sarawak, Sabah dan Brunei.¹¹ Di samping itu Unit ini juga dikehendaki merancang meletakkan Sarawak, Borneo Utara (Sabah), Brunei dan Labuan di bawah satu pusat pentadbiran. Pemusatan wajar dilakukan bagi tujuan perkembangan politik dan kemajuan sosial akan datang negeri ini tidak bercanggah dengan dasar kolonial.¹²

Kemudiannya sebuah lagi jawatankuasa, Jawatankuasa Kabinet Perang mengenai Dasar Terhadap Tanah Melayu dan Borneo (*War Cabinet Committee on Policy Regard to Tanah Melayu and Borneo*) yang bersidang pada 6 Januari 1944 meluluskan dibentuk sebuah Jawatankuasa Menteri untuk menimbangkan kertas cadangan Dasar Perlembagaan Masa Depan Bagi Tanah Melayu dan Borneo yang akan dikemukakan oleh Setiausaha Tanah Jajahan

7 Haji Mohammad Hasbee Sulaiman, *Perjuangan Anti-Cession Sarawak: Peranan Utama Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak*, Kuching: Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak, 1989, hlm. 32. Salam b. Ahmad, *Datu Patinggi Abang Haji Abdillah [Antik]: Ketua dan Pemimpin Masyarakat Melayu Sarawak Pramerdeka*, Sibul: Vicskill Sdn. Bhd., 1995, hlm. 24.

8 Haji Mohammad Hasbee Sulaiman, *Perjuangan Anti-Cession Sarawak: Peranan Utama Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak*, hlm. 30.

9 *Ibid.*, hlm. 31.

10 R.H.W. Reece, *The Name of Brooke: The End of White Rajah Rule in Sarawak*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1982, hlm. 145. Reece mencatatkan sebagai Persatuan Melayu Sarawak. Suffian bin Mansor, *Sejarah Pembentukan Parti Pesaka Bumiputera Bersatu Sarawak (1959-1974)*, Latihan Ilmiah, Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1994/1995, hlm. 14.

11 R.H.W. Reece, *The Name of Brooke: The End of White Rajah Rule in Sarawak*, hlm. 172-173.

12 Naimah S. Talib, *Administrators and Their Service: The Sarawak Administrative Service under the Brooke Rajahs and British Colonial Rule*, Shah Alam: Oxford University Press, 1999, hlm. 99.

dan Setiausaha Tanah Jajahan Bagi Perang untuk diperakukan kepada Jawatankuasa Perang bagi melaksanakan dasarnya. Jawatankuasa yang dibentuk itu terdiri daripada: Presiden Majlis, sebagai Pengerusi; Setiausaha Negara Bagi Hal ehwal Wilayah Pemerintahan (*Dominion*); Setiausaha Negara Bagi India, Setiausaha Negara Bagi Tanah Jajahan, Setiausaha Negara Bagi Perang, dan Setiausaha Parlimen Bagi Hal ehwal Luar. Manakala Setiausaha jawatankuasa ini, setiausaha bersama dari Pejabat Kabinet Perang dan Pejabat Tanah Jajahan.¹³ Dengan itu sebuah Jawatankuasa bernama Jawatankuasa Kabinet Perang mengenai Tanah Melayu dan Borneo (*War Cabinet Committee on Tanah Melayu and Borneo*) dibentuk. Jawatankuasa ini bermesyuarat pada 18 Januari 1944, memperakukan pemulihan sistem perundangan dan pentadbiran sebelum perang untuk mencapai kepentingan keselamatan, dan seiring dengan pengisytiharan British menggalakkan kemajuan sosial, ekonomi, dan politik dalam jajahan kolonial. Jawatankuasa ini percaya, matlamat ini hanya boleh dicapai melalui penyerahan kepada Raja England, seluruh bidang kuat kuasa perundangan dalam negeri Sarawak dan Tanah Melayu.¹⁴ Dalam pada itu cara paling berkesan mencapai jurisdiksi penuh Sarawak hanya mengikat perjanjian baharu dengan Raja Sarawak dan Raja negeri Melayu. Seterusnya dengan cara ini Raja England boleh melaksanakan peraturan terhadap Tanah Melayu dan Sarawak berdasarkan Akta Juridiksi Asing (*Foreign Jurisdiction Act*).¹⁵

Seterusnya Jawatankuasa Jawatankuasa Kabinet Perang mengenai Tanah Melayu dan Borneo ini bersidang lagi pada hari Rabu, 22 Mac 1944, pukul 4.00 petang di bilik Timbalan Perdana Menteri, parlimen (*House of Commons*), dan dipengerusikan oleh C.R. Attlee. Mesyuarat ini dihadiri: L.S. Amery, Setiausaha Tanah Jajahan bagi India; Cliver Stanley, Setiausaha Tanah Jajahan; Sir James Crigg, Setiausaha Negeri bagi Perang, dan Sir Donald Somevell, Peguam Negara. Juga turut hadir, P.V. Emrys-Evans, *Parliamentary Under Secretary of State for Dominion Affairs*; H. Ashley Clarke, Pejabat Luar; G.E.J. Gent, Pejabat Kolonial; Sir Gilbert Laithwhite, Pejabat Kabinet Perang; serta Setiausaha, E.H.T. Wiltshire dan W.B.L. Monson. Jawatankuasa bersetuju dengan cadangan Sir Donald Somevell, Peguam Negara yang menyatakan adalah perlu membuat rundingan semula untuk pengilhakan. Seterusnya Jawatankuasa menjemput Setiausaha Tanah Jajahan menyediakan kertas cadangan untuk disebarikan bagi maklumat Jawatankuasa.¹⁶ Memang pegawai British di London menyedari bahawa negeri Sarawak adalah negeri lindungan¹⁷ di bawah kedaulatan

13 CAB 98/41, Policy in Malaya & Borneo C.M.B. [44] & [45], C.M.B. (44) 1, War Cabinet Committee on Policy in Regard to Malaya and Borneo, E.E. Bridges, Setiausaha Kabinet Perang, "Note by the Secretary of the War Cabinet", 12 Januari 1944.

14 CAB 98/41, C.M.B. (44) 6, 18th January 1944, War Cabinet Committee on Malaya and Borneo "Policy in Borneo", hlm. 28.

15 CAB 98/41, C.M.B. (44) 6, 18th January 1944, War Cabinet Committee on Malaya and Borneo "Policy in Borneo", hlm. 29.

16 CAB 98/41, Policy in Malaya & Borneo C.M.B. [44] & [45], "Minute of the First Meeting of the Committee held in the Deputy Prime Minister's Room, House of Commons, on Wenesday, 22nd March 1944 at 4.0 p.m." Dasar yang sama juga dibincangkan mengenai Tanah Melayu, Borneo Utara dan Brunei.

17 Sarawak menjadi negeri Lindungan British melalui perjanjian yang ditandatangani pada 14 Jun 1888. Artikel I Perjanjian itu mencatatkan "The States of Sarawak shall continue to be governed and administered by the said Raja Brooke and his successors as an independent State under the protection of Great Britain; but such protection shall confer no right on Her Majesty's Government to interfere with the internal administration of that State further than is herein provided". Bujang Bin Mohammed Nor, *The Cession of Sarawak to Great Britain 1946*, Kuching: Rassnorm Sdn. Bhd., 1999, hlm. 72. Fasal Yang Pertama – (Sarawak akan menjadi sebuah negeri naungan yang merdeka). Negeri Sarawak akan terus diperintah dan ditadbirkan oleh Raja Brooke yang tersebut serta keturunannya sebagai sebuah negeri yang merdeka di bawah naungan Great Britain tetapi naungan yang demikian itu tidaklah memberi hak kepada pihak kerajaan Duli Yang Maha

Raja Brooke. Walaupun negeri Sarawak di bawah perlindungan Raja England (*His Majesty*), tetapi Raja tidak mempunyai hak untuk campur tangan dalam pentadbiran. Oleh itu dalam usaha membolehkan Raja memerintah Sarawak di bawah *Foreign Jurisdiction Act*, negeri Sarawak hendaklah diserahkan sepenuhnya kepada *His Majesty*.¹⁸

Jawatankuasa ini bersidang kali kedua di No. 11, Downing Street, pada hari Khamis, pukul 5.30 petang, 19 Disember 1944. Mesyuarat ini dipengerusikan oleh C.R. Attlee. Antara lain jawatankuasa ini membincangkan kaedah berunding memindahkan Sarawak kepada kerajaan British. Selain itu jawatankuasa ini juga membincangkan hal berhubung menyediakan memorandum tentang dasar masa depan perlembagaan bagi kawasan jajahan British untuk dikemukakan kepada Setiausaha Tanah Jajahan.¹⁹ Dalam perbincangan, ahli jawatankuasa menyedari walaupun Sarawak di bawah kedaulatan Raja Brooke, tetapi pada hakikatnya, Sarawak adalah negeri Lindungan British (*Protected State*). Ini bermakna kerajaan British tidak mempunyai hak untuk terlibat dalam hal ehwal dalam negeri Sarawak.²⁰ Oleh itu kerajaan baginda raja memutuskan langkah mengambil alih pentadbiran Sarawak daripada Rajanya, dan dijadikan sebagai Jajahan Mahkota British hendaklah melalui perjanjian penyerahan.

Setelah melihat dan mengambil persoalan tersebut, kerajaan baginda raja mengambil keputusan akan memujuk Raja Sarawak (Raja Charles Vyner Brooke) supaya menyerahkan Sarawak kepada Pejabat Tanah Jajahan. Keputusan Jawatankuasa Kabinet Perang mengenai Tanah Melayu dan Borneo ini dipanjangkan oleh Setiausaha Tanah Jajahan kepada kerajaan baginda raja. Sementara itu Kerajaan *Provisional* Sarawak, ketika pendudukan Jepun yang diketuai oleh Raja Muda Anthony Brooke dilaporkan bersetuju menyerahkan Sarawak²¹ kepada kerajaan baginda raja. Dalam pada itu dinyatakan Raja Sarawak Raja Charles Vyner Brooke bersedia menyerah Sarawak kerana masalah kewangan untuk membangun Sarawak selepas perang.²² Sementara itu berita tersebar menyatakan Raja Vyner Brooke hanya akan pulang ke Sarawak untuk menghadiri Majlis Negeri, dan memastikan Majlis Negeri akan mengundi majoriti menyokong serahan. Seterusnya dalam usaha mencapai cita-cita ini kempen dijalankan untuk memastikan ahli Majlis Negeri menyokong serahan. Sehubungan itu kerajaan baginda raja menghantar E.H. Bank, kurator Muzium Sarawak, dan J.C.H. Barcroft, bekas Residen Bahagian Kedua meninjau pendapat penduduk Sarawak mengenai

Mulia Queen mencampuri hal pentadbiran dalam negeri ini melebihi daripada hak mentadbir kepadanya seperti yang disebutkan di sini". Anthony Brooke, *Perihal Sarawak yang Sebenar*, hlm. 18. Naskhah ini diterbitkan berdasarkan terjemahan yang disuarkan dalam akhbar *Majlis* dari 7 November 1946 hingga 28 Disember 1946. Anthony Brooke, *The Facts about Sarawak: A Documented account of the Cession to Great Britain in 1946*, Summer Times Publishing, Singapore, 1983, hlm. 19. "Article 1 The State of Sarawak shall continue to be governed and administered by the said Rajah Brooke and his successors an independent State under the protection of Great Britain but such protection shall confer no right on Her Majesty's Government to interfere with the internal administration of that State further than is herein provided."

18 CAB 98/41, Policy in Malaya & Borneo C.M.B. [44] & [45], hlm. 4-5

19 CAB 98/41, Policy in Malaya & Borneo C.M.B. [44] & [45], C.M.B. (44) 1, War Cabinet Committee on Malaya and Borneo, "Minute of the second meeting of the Committee held in No. 11, Downing Street, on Thursday 19th December 1945.

20 CAB 98/41, C.M.B. (44) 3, 14th January 1944, War Cabinet Committee on Malaya and Borneo "Future Constitutional Policy For British Colonial Territorial in Southeast Asia", hlm. 20.

21 Bob Reece, *Datu Bandar: Abang Hj. Mustapha of Sarawak*, Kuching: Sarawak Literary Society, 1993, hlm. 89.

22 Suffian bin Mansur, *Sejarah Pembentukan Parti Pesaka Bumiputra Bersatu Sarawak (1959-1974)*, Latihan Ilmiah, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1994/1995, hlm. 15.

rancangan serahan. Kedua-duanya membuat tinjauan di beberapa tempat, termasuk kawasan pendalaman, melaporkan kepada Raja bahawa 2/3 penduduk mematuhi kehendak Raja.²³

Namun begitu pada 28 Februari 1945, Kerajaan *Provisional* Sarawak yang diketuai Anthony Brooke berubah sikap, menyatakan tidak bersetuju dengan Pejabat Kolonial untuk menguatkuasakan *Foreign Jurisdiction Act* terhadap Sarawak, bagi membolehkan Raja England berkuasa mutlak melaksanakan peraturan di Sarawak. Perkembangan baharu ini dimaklumkan oleh pejabat kolonial kepada Raja Charles Vyner Brooke. Sebagai tindakan susulan, Raja Charles Vyner Brooke membubarkan Kerajaan *Provisional* Sarawak, dan melucutkan jawatan Raja Muda yang disandang oleh Anthony Brooke.²⁴ Dengan itu rundingan mengenai kedudukan Sarawak diambil alih oleh Raja Charles Vyner Brooke.

Raja Charles Vyner Brooke menandatangani surat perjanjian dengan George Hall, Setiausaha Tanah Jajahan British bersetuju menyerahkan Sarawak kepada British pada 24 Oktober 1945. Antara lain persetujuan dicapai G.T.M. MacBryan, setiausaha peribadi Raja Charles Vyner Brooke akan dihantar ke Sarawak bagi memujuk ahli Majlis Tertinggi menyokong tindakan Raja Charles Vyner Brooke menyerahkan Sarawak kepada kerajaan baginda raja. Dengan itu pada Januari 1946, MacBryan berada di Kuching. Ketika berada di Kuching MacBryan bertemu Ong Tiang Swee, ketua orang Cina suku Hokkien, serta Datu, berasingan, dan mereka meyakini kesediaan menyokong rancangan Raja Vyner Brooke. MacBryan berjanji akan membayar tunai \$12,000 kepada Datu Patinggi, \$10,000 tiap-tiap seorang kepada Datu Menteri, Datu Hakim, dan Datu Pahlawan; serta \$2,000 kepada Mufti Haji Nawawi. Selain itu MacBryan juga berjanji akan membayar tiap-tiap seorang \$42,500 kepada Datu Pahlawan dan Ong Tiang Swee untuk dibahagikan kepada masyarakat Melayu dan Cina yang menderita ketika pendudukan Jepun.²⁵

Namun begitu ketika berjumpa Datu Patinggi Abang Haji Abdillah pada 1 Januari 1946, MacBryan gagal mendapatkan persetujuan. Dalam pertemuan itu, MacBryan menunjukkan surat tandatangan Raja Charles Vyner Brooke mengarahkan Datu Patinggi Abang Haji Abdillah mematuhi arahan MacBryan. Walaupun begitu Datu Patinggi Abang Haji Abdillah tidak menurunkan tandatangan ke atas surat yang dibawa MacBryan, dengan alasan maksudnya tidak jelas. Dalam perkembangan seterusnya, pada 2 Januari 1946, Datu Amar dan Datu Menteri, diiringi Abang Mohamed Daim datang berjumpa Datu Patinggi Abang Haji Abdillah memujuk menurunkan tandatangan, dan di samping itu menakut-nakutkan jika enggan berbuat demikian. MacBryan merancang, Datu Patinggi Abang Haji Abdillah dikehendaki menurunkan tandatangan bersama Datu Amar, Datu Menteri, dan Datu Pahlawan surat tersebut pada 7 Januari 1946. Semua perkara ini dimaklumkan oleh Datu Patinggi Abang Haji Abdillah dalam surat bertarikh 4 Januari 1946, kepada Leftenan Kolonel Gasciogne, Bendahari Unit Hal Ehwal Awam British Borneo Ltd., dan meminta nasihat.²⁶ Namun begitu Leftenan Kolonel Gasciogne tidak melayan surat yang dihantar oleh Datu Patinggi Abang Haji Abdillah. Dalam perkembangan seterusnya, pada 6 Januari 1946, Datu Patinggi Abang Haji Abdillah menandatangani surat yang dibawa MacBryan, serta dengan curiga menerima

23 Bob Reece, *Datu Bandar: Abang Hj. Mustapha of Sarawak*, hlm. 92.

24 Bujang bin Hj. Mohammed Nor, *The Cession of Sarawak to Great Britain 1946*, hlm. 19.

25 R.H.W. Reece, *The Name of Brooke: The End of White Rajah Rule in Sarawak*, hlm. 200.

26 Anthony Brooke, *Perihal Sarawak yang Sebenar*, hlm. 69. Anthony Brooke, *The Facts about Sarawak: A Documented account of the Cession to Great Britain in 1946*, hlm. 77. Salam b. Ahmad, *Datu Patinggi Abang Haji Abdillah [Antik]: Ketua dan Pemimpin Masyarakat Melayu Sarawak Pramerdeka*, hlm. 32-33. R.H.W. Reece, *The Name of Brooke: The End of White Rajah Rule in Sarawak*, hlm. 200.

wang \$12,000 yang dinyatakan sebagai hadiah daripada Raja Charles Vyner Brooke. Namun begitu semua wang ini Datu Patinggi Abang Haji Abdillah serah kepada Penasihat Awam, Pentadbiran Tentera British J.B. Archer, C.S.S. untuk tindakan yang difikirkan wajar pada 8 Januari 1946. Dalam surat tersebut, Datu Patinggi Abang Haji Abdillah menyatakan tidak ada bukti menunjukkan wang tersebut datang daripada Raja Charles Vyner Brooke.²⁷

Sementara MacBryan menjalankan usaha mempengaruhi pemimpin tempatan, dan ahli Majlis Negeri menyokong serahan, Raja Charles Vyner Brooke membuat pengisytiharan kepada penduduk Sarawak pada 6 Februari 1946. Dalam pengisytiharan ini Raja Charles Vyner Brooke menyatakan rancangan serahan Sarawak adalah rancangan beliau, dan diterima oleh baginda Raja England. Serahan ini pula adalah harapan raja pertama Sarawak, James Brooke. Selain itu Raja Charles Vyner Brooke menafikan pernyataan surat khabar yang menyebut kerajaan baginda raja akan melakukan perubahan yang tidak disenangi penduduk Sarawak palsu. Kerajaan British menjamin memberi kebebasan kepada penduduk Sarawak, dan penduduk Sarawak akan menjadi rakyat Raja England.²⁸

Presiden PKMS menulis kepada Raja Muda Betram Brooke bertarikh 25 Mac 1946, menyatakan bumiputera "...tidak mempersetujui penyerahan itu dan berkehendak bahawa takhta kerajaan Sarawak itu supaya diserahkan kepada Duli Yang Maha Mulia atau pun anakanda yaitu Raja Muda sekiranya Duli Yang Maha mulia Raja tidak berdaya hendak memerintah". Dalam kawat ini juga mereka mengharapkan Raja Muda datang dengan kadar segera ke Sarawak.²⁹ Raja Muda Betram menjawab kawat ini pada 29 Mac 1946. Raja Muda Betram menyatakan terima kasih di atas taat setia Presiden PKMS kepadanya, tetapi beliau tidak dapat datang ke Sarawak kerana tidak dibenarkan oleh Raja, dan disokong kerajaan baginda raja. Selain itu Raja Muda Betram mengharapkan penduduk Sarawak berani menyatakan pendirian terhadap rancangan serahan. Seterusnya menyatakan beliau dan anaknya mengikut tradisi Brooke, berkhidmat untuk rakyat Sarawak; tidak ada motif kepentingan diri, tetapi hati penuh keciwa jika keputusan penduduk Sarawak menamatkan pentadbiran Brooke di Sarawak. Namun akan menerima keputusan penduduk Sarawak tersebut.³⁰

Raja Charles Vyner Brooke bersama rombongan bertolak dari England, singgah di Singapura pada 13 April 1946. Seterusnya selepas bertemu dan berbincang dengan Lord Louis Mountbatten, Raja Charles Vyner Brooke berlepas ke Kuching. Kedatangan Raja Charles Vyner Brooke disambut meriah. Kemudiannya Raja Charles Vyner Brooke mengisytiharkan "Proklamasi Pemulihan Pemerintahan Awam" memulihkan kerajaan awam di Sarawak di Dewan Majlis Tertinggi. Dalam majlis ini diikuti dengan Datu Patinggi Abang Haji Abdillah menyerahkan surat bantahan penyerahan, dan menghadihkan Pedang Negeri kepada Raja Charles Vyner Brooke.³¹

27 Anthony Brooke, *Perihal Sarawak yang Sebenar*, hlm. 70. Anthony Brooke, *The Facts about Sarawak: A Documented account of the Cession to Great Britain in 1946*, hlm. 78.

28 Anthony Brooke, *Perihal Sarawak yang Sebenar*, hlm. 70-71. Anthony Brooke, *The Facts about Sarawak: A Documented account of the Cession to Great Britain in 1946*, hlm. 78-79.

29 Anthony Brooke, *Perihal Sarawak yang Sebenar*, hlm. 76. Anthony Brooke, *The Facts about Sarawak: A Documented account of the Cession to Great Britain in 1946*, hlm. 83.

30 Anthony Brooke, *Perihal Sarawak yang Sebenar*, hlm. 76-77. Anthony Brooke, *The Facts about Sarawak: A Documented account of the Cession to Great Britain in 1946*, hlm. 84.

31 Salam b. Ahmad, *Datu Patinggi Abang Haji Abdillah [Antik]: Ketua dan Pemimpin Masyarakat Melayu Sarawak Pramerdeka*, hlm. 40-43.

Datu Patinggi Abang Haji Abdillah penaung PKMS tidak berganjak, terus menentang serahan. Dalam pada itu tumbuh 52 buah pertubuhan mengikuti jejak PKMS menentang penyerahan. Orang Iban di Bahagian Pertama di bawah pimpinan Philip Jitam menubuhkan Persatuan Dayak Sarawak (PDS) menyertai gerakan anti-serahan dan seterusnya menentang serahan.³² Pada 20 April 1946, Raja Charles Vyner Brooke menyatakan melalui surat yang dihantar oleh Pemangku Ketua Setiausaha Sarawak (Chief Sekretari Sarawak) J.B. Archer kepada Presiden PKMS. Dalam surat ini, Raja Charles Vyner Brooke menjelaskan kewajaran Sarawak diletakkan di bawah pentadbiran kerajaan baginda raja. Sarawak selepas perang menghadapi kesulitan kewangan, dan perlu bantuan segera. Perniagaan musnah, hasil simpanan boleh dikatakan hampir habis, hubungan perkapalan, hospital, pendidikan dan perkhidmatan kesihatan memerlukan kewangan yang cukup untuk pemulihan. Dengan kaedah terbaik bagi mendapat kewangan dan bantuan lain adalah meletakkan Sarawak di bawah pentadbiran langsung British.³³

Dengan berasaskan tandatangan anggota Majlis Tertinggi 6 Januari 1946, Majlis Negeri dipulihkan semula pada 24 April 1946. Anggota Majlis Negeri ini dipilih dan dilantik oleh Raja Charles Vyner Brooke. Dalam sidang yang berlangsung pada 24 April 1946, Raja Charles Vyner Brooke menyatakan Sarawak akan diserahkan kepada kerajaan mahkota British, tetapi memberi jaminan kerajaan mahkota British akan mematuhi adat, dan prinsip perlembagaan 1941. Selain itu beliau juga memberi jaminan akan datang melawat Sarawak. Juga menyatakan kerajaan British akan membangunkan dan memajukan negeri Sarawak. Raja Charles Vyner Brooke juga menyatakan tidak yakin kepada kebolehan dan kemampuan Raja Muda Anthony Brooke mentadbir Sarawak.

Kemudiannya Raja Charles Vyner Brooke datang semula ke Sarawak. Kali ini beliau melawat antaranya Sibuan dan Simanggang (Seri Aman) untuk menjelaskan kebaikan serahan Sarawak. Di samping itu Raja Charles Vyner Brooke menerima surat bantahan terhadap rancangan serahan. Dalam lawatan kali ini, terdapat pegawai yang ikut serta untuk menyiasat tindak balas penduduk tempatan terhadap rancangan serahan itu. Antara pegawai tersebut, dua orang anggota parlimen British, D. Gammans dan D.R. Rees-Williams. D. Gammans dan D.R. Rees-Williams meninjau pendapat penduduk Sarawak di Miri, Limbang, Sibuan, Bintulu, Lingga dan Sarikei.³⁴ Hasil daripada lawatan ini, D. Gammans dan D.R. Rees-Williams melaporkan penduduk Sarawak menyokong penyerahan. PKMS melalui Presidennya, Abang Haji Zaini menyatakan tidak menerima cadangan Raja Charles Vyner Brooke menyerahkan Sarawak kepada kerajaan baginda raja. Dalam suratnya kepada Tuan Muda bertarikh 8 Mei 1946, Abang Haji Zaini menyatakan:

Cadangan Duli Yang Maha Mulia Raja Sir Charles Vyner Brooke hendak menyerahkan Sarawak kepada kerajaan British itu telah menyebabkan dukacita dan berhamburan air mata bumiputera kami pihak orang-orang Melayu dan Melanau, lelaki dan perempuan, dengan sebulat hati tidak mempersetujui penyerahan negeri Sarawak itu kerana kami tidak mempersetujui diberhentikan pemerintahan keluarga Brooke ke atas negeri yang merdekaini, kami orang-orang Melayu telah mendengar

32 Suffian bin Mansur, Sejarah Pembentukan Parti Pesaka Bumiputra Bersatu Sarawak (1959-1974), hlm. 16.

33 Anthony Brooke, *Perihal Sarawak yang Sebenar*, hlm. 79. Anthony Brooke, *The Facts about Sarawak: A Documented account of the Cession to Great Britain in 1946*, hlm. 86.

34 Salam b. Ahmad, *Datu Patinggi Abang Abdillah [Antik]: Ketua & Pemimpin Masyarakat Melayu Sarawak Pramerdeka*, hlm. 44.

bahawa orang-orang Dayak daerah pantai tengah tetap berpegang kuat kepada pemerintahan keluarga Brooke. Oleh yang demikian sangat-sangatlah kami minta kepada tuan dan kerajaan Sarawak supaya mengambil langkah bagi menarik balik cadangan Raja itu.³⁵

Kadungan surat tersebut menjelaskan dengan nyata hasrat, dan perjuangan PKMS menentang serahan, tetapi menghajati keluarga Brooke meneruskan memerintah Sarawak. Dengan lain perkataan perjuangan PKMS bukan memerdekakan Sarawak sepenuhnya daripada pemerintahan asing, keluarga Brooke. Kemudiannya Abang Haji Zaini sebagai Presiden PKMS memaklumkan kepada Tuan Muda dalam suratnya bertarikh 9 Mei 1946. Dalam surat ini, Abang Haji Zaini menyatakan soal serahan Sarawak akan dibawa dalam Majlis Mesyuarat yang akan berlangsung pada 15 Mei 1946. Oleh kerana kebanyakan anggota Majlis Mesyuarat terdiri daripada orang luar, hanya dua sahaja Melayu; Datu Pahlawan, dan adiknya Abang Haji Abdull Rahman, keputusan mesyuarat Majlis "...tidaklah boleh diterima oleh rakyat negeri ini".³⁶

Mesyuarat Majlis bersidang pada 14 Mei 1946, sehari lebih awal tidak 15 Mei seperti dinyatakan dalam surat Presiden PMS Abang Haji Zaini kepada Tuan Muda. Majlis Negeri bersidang dirasmikan oleh Raja Charles Vyner Brooke. Seterusnya rancangan penyerahan Sarawak dibincangkan. Kemudiannya pada 15 Mei 1946, dalam persidangan seterusnya Raja Charles Vyner Brooke memberi ucapan sebelum meninggalkan dewan. Isu penyerahan dibincangkan dengan hangat dalam sidang Majlis Negeri. Dalam perbahasan tersebut, Datu Patinggi Abang Haji Abdillah menentang serahan. Beliau mendapat sokongan daripada Philip Jitam. Dalam hujahannya, Datu Patinggi Abang Haji Abdillah menyatakan sebagai Waris Datu dan wakil pribumi Sarawak beliau dan penduduk Sarawak menentang serahan. Seterusnya menyatakan mereka yang menyokong serahan adalah tidak setia kepada Raja, dan tidak menilai perkhidmatan baik Raja serta kemerdekaan Sarawak. Oleh itu beliau tidak sanggup melanggar sumpah yang dibuat kepada Raja, penduduk, dan semangat perlembagaan 1941. Datu Patinggi Abang Haji Abdillah juga menyatakan tidak mahu merosakkan khidmat baik selama 62 tahun, serta berdosa kepada Allah, tidak sejahtera di dunia dan akhirat; dan juga akan dicatatkan oleh sejarawan sebagai tidak melakukan keadilan. Juga menyatakan penduduk Sarawak percaya kemakmuran dan keamanan serta kemerdekaan Sarawak boleh dicapai melalui pemerintahan Raja Brooke, di bawah perlindungan British; tidak di bawah pemerintahan kerajaan British. Pada akhir ucapannya, Datu Patinggi Abang Haji Abdillah menyatakan dia dan penduduk Sarawak mencintai kemerdekaan Sarawak, dan tanah tumpah darah, serta mencintai keadilan keluarga Raja Brooke.³⁷

Ketika pemerintahan keluarga Brooke, khususnya Raja Sarawak ke-3, Raja Charles Vyner Brooke berlaku dua perkara penting. Pertama Sumpah Naik Takhta 22 Julai 1918, dan kedua, Perlembagaan Sarawak (atau dikenali juga sebagai Sembilan Kardinal) 1941. Sumpah tersebut tercatat lima perkara, seperti berikut:

35 Anthony Brooke, *Perihal Sarawak yang Sebenarnya*, hlm. 81.

36 *Ibid.*, hlm. 82.

37 *Ibid.*, hlm. 45-46.

Kita Vyber Brooke pada masa ini bersumpah diatas Bible mendirikan serta menerangkan dengan betul pasal-pasal yang demikian.

Pasal yang pertama.

Kita berjanji mengaku agama Islam serta dengan adatkan hukum yang tersebut pada agama itu.

Pada yang kedua.

Kita berjanji seperti hukum dan adat diatas orang Melayu boleh seperti yang sudah diletakan Parentah selama ini. Maka jikalau handak mengganti atau mengubah itulah serta pikiran dan perkembangan daripada Tuan yang duduk didalam Council Negri.

Pasal yang ketiga.

Kita berjanji mana-mana pergantian kita yang menjadi Rajah Sarawak maka sahingga boleh mengikut pasal-pasal yang tersebut didalam Wasihat Rajah Sir Charles Brooke.

Pasal yang ka-empat.

Kita berjanji isi Negri yang di bawah Parentah kita boleh uja memilih orang mana-mana yang di suka'ie-nya menjadi Tua diatas-nya. Maka jikalau-nya tiada ada membuat darhaka dan hati-nya betul kapada Parentah Maka boleh dia mandapat Chap memberi kuasa memegang bichara.

Pasal yang ka-lima.

Kita kapada masa ini didalam Council Negri memberi kuasa kepada Tuan Tuan memegang bichara diatas segala pasal-pasal orang bertunang dan nikah dan bercherai dan membhagi pesaka diatas Waris-waris orang yang mati. Maka hukuman diatas pasal-pasal yang demikian seperti atoran selama yang tersebut didalam hukum sara—Maka samoa-nya pasal-pasal itu pasti di-tulis didalam book supaya boleh menjadi peringatan kemandian-nya.³⁸

Selain itu sangat perlu juga dikongsi di sini Perlembagaan Sarawak 1941 yang seringkali disebut, dan dirujuk dalam sejarah Sarawak. Dalam pada itu ada pernyataan Perlembagaan Negeri 1941 mengiktiraf kemerdekaan Sarawak, dan persediaan Sarawak berkerajaan sendiri.³⁹ Dengan itu sangat perlu dikongsi Sembilan Kardinal 1941 untuk membolehkan dinilai makna serta maksud adakah mengiktiraf kemerdekaan Sarawak, dan persediaan berkerajaan sendiri? Dalam mukadimah tercatat pernyataan: "...menamatkan buat selama-lamanya zaman pemerintahan kuasa tunggal...dengan menggantikan ke atasnya suatu perlembagaan yang dengan menentukan diri kita dan waris-waris kita serta pengganti-pengganti kita..., yang kita yakin akan membawa kesentosaan dan kemakmuran dan kebajikan kepada rakyat kita....Langkah mara ke hadapan bagi menuju kepada cita-cita mutamad yaitu rakyat kita boleh mempunyai kerajaan sendiri". Sembilan Kardinal 1941 atau Perlembagaan Sarawak 1941 yang dikanunkan dan dikuatkuasakan pada 24 September 1941 adalah seperti berikut:

38 FCO 141/1440, "CCCB", Setiausaha Pesuruhjaya Brunei, Kuching, Sarawak kepada Residen British Brunei, 29 Mac 1950, terlampir "Oath of Accession taken by His Highness the Rajah on the occasion of Installation 22nd July, 1918".

39 Nordi Achie, *Akhbar Melayu Perjuangan di Sarawak*, hlm. 168. Mohd. Hasbie bin Sulaiman, Haji, *Perjuangan Anti-Cession Sarawak*, cetakan kedua, Johor Bahru: PGI CIPTA SDN. BHD., 2004, hlm. 86-87.

- (1) Negeri Sarawak ialah hak pesaka rakyat-rakyat kita dan pihak kita menjadi pemegang amanah bagi mereka itu.
- (2) Khidmat-khidmat masyarakat dan didikan pelajaran akan dimajukan dan dikembangkan serta darjah penghidupanrakyat Sarawak seterusnya akan ditingkatkan.
- (3) Barangsiapa atau siapa juga tidak boleh sekali-kali dikurniakan hak-hak yang menyalahi hak-hak rakyat negeri ini dan mereka itu tidak dibenarkan memerah rakyat kita atau pun mereka yang mendapat naungan dan penjagaan kita.
- (4) Keadilan akan didapati dengan mudah dan raja serta tiap-tiap seseorang yang bekerja dengan kerajaan akan bebas ditemui oleh orang ramai.
- (5) Kebebasan mendhahirkan fikiran sama ada dengan ucapan dan tulisan adalah dibenarkan dan digalakkan dan juga tiap-tiap seseorang akan dibenarkan beragama dengan agama yang disukainya.
- (6) Kakitangan-kakitangan kerajaan hendaklah sentiasa ingat bahawa mereka itu tidak lain bahkan ialah hamba orang ramai dan di atas mereka itulah simpulan mahbah dan kerjasama yang semata-mata menjadi tempat pergantungan mereka.
- (7) Sepanjang seseorang itu menjadi rakyat kita walau dari apa sekali pun akan bebas dibenarkan masuk ke dalam pejabat-pejabat perkhidmatan kita, pekerjaan yang boleh dipegang oleh mereka menurut kebolehan mereka dalam pelajaran, kelayakan dan menjalankan pekerjaan yang ditanggungnya.
- (8) Hendaklah sentiasa diingati cita-cita hendak berkerajaan sendiri itu, rakyat Sarawak akan akan ditaruhkan kepercayaan dalam masa yang akan datang bagi memerintah diri mereka sendiri, dan ikhtiar-ikhtiar akan dijalankan seboleh-bolehnya untuk menyejatkan pencapaian cita-cita ini dengan memberi didikan kepada mereka dengan pemberian tanggungjawab dan keutamaan menjadi anak negeri.
- (9) Bahawa dasar raja-raja yang terdahulu daripada kita dan dasar kita amnya ialah bermaksud supaya segala bangsa dalam negeri boleh hidup bersama-sama dalam aman sentosa dan dasar ini hendaklah terus diikuti oleh pengganti-pengganti kita dan orang-orang yang berkhidmat kepada kita serta sekalian orang-orang yang mengikut mereka itu dalam masa yang akan datang kelak.⁴⁰

Rang Undang-undang Serahan (*Cession Bill*) yang dibentang itu mendapat reaksi daripada anggota Majlis Negeri. Setelah perbincangan hangat keputusan dibuat melalui undian pada 15 Mei 1946, Rang Undang-Undang Serahan (*Cession Bill*) diluluskan.

40 Anthony Brooke, *Perihal Sarawak yang Sebenar*, hlm. 30-32. Versi Bahasa Inggeris boleh rujuk Anthony Brooke, *The Facts About SARAWAK A documented account of the Cession to Britain in 1946*, hlm. 33-35.

Pengundian diadakan tiga kali. Pada undian kedua, 18 menyokong serahan, 16 menentang serahan. Daripada jumlah ini, 13 bumiputera menyokong serahan dan 12 orang menentang penyerahan. Dengan itu pada 15 Mei 1946, Rang Undang-undang Serahan diluluskan. Datu Bandar Abang Haji Mustapha yakin yang Sarawak memerlukan sokongan Britain sebelum berdiri di atas kaki sendiri, dan memajukan sumber alam, serta kemajuan sosial.⁴¹

Seterusnya dalam sebutan kali ketiga pada 16 Mei 1946,⁴² 19 menyokong dan 16 orang menentang serahan. Pertambahan sokongan serahan kerana Datu Hakim dan J.C.H. Barcroft yang berkecuali sebelum ini menyokong serahan. Manakala anti-penyerahan pula, C.D. Adams yang menyokong anti-serahan tidak hadir dalam mesyuarat 16 Mei 1946 kerana tidak sihat. Seterusnya Rang Undang-undang Serahan dibentangkan dalam Majlis Tertinggi pada 20 Mei 1946. Dalam mesyuarat ini enam orang menyokong dan dua orang menentang. Seterusnya Akta Serahan ditandatangani di Astana pada 21 Mei 1946. Dalam upacara ini Datu Patinggi Abang Haji Abdillah dan wakil Iban tidak hadir.

Dalam surat cara tersebut mencatatkan Raja Vyner Brooke di atas nasihat dan persetujuan Majlis Negeri, dan *Order No. C – 24 (Cession of Sarawak) 1946* menyerahkan daerah dalam negeri Sarawak, dan kedaulatan serta pemerintahan penuh kepada Baginda Raja, waris Baginda, pengganti Baginda, dan Sarawak menjadi sebahagian daripada pemerintahan Baginda Raja.⁴³

Pengisytiharan akta serahan ini mencetuskan bantahan. Datu Patinggi Abang Haji Abdillah bersama presiden PKMS dan PDS menghantar kawat kepada Tuan Muda Betram Brooke⁴⁴ pada 7 Jun 1946. Kandungan kawat yang dihantar itu adalah seperti berikut:

Kaum dayak dan Melayu seluruh negeri Sarawak membantah di atas siaran palsu berkenaan dengan penyerahan negeri itu. Kami berdiri bersatu padu menentang penyerahan dan dengan kuatnya serta bersebulat hati berkehendakkan bahawa kerajaan Sarawak mestilah beraja jangan ditamatkan. Kami tuntutan Ikrar Atlantik dari Fasal 2 dan 3 supaya mengekalkan kehendak kami kerana muslihat keadilan bangsa-bangsa dan kemuliaannya. Kami jemput Yang Maha Mulia Tuan dan ayahanda Tuan yang dihormati supaya melanjutkan langkah membela kemerdekaan Sarawak supaya kekal dan tidak tercacat jika mustahak sekali pun kepada Pertubuhan Bangsa-Bangsa Syarikat sehingga tercapai kejayaan, kami berikrar dan mengekalkan semula sokongan kami yang penuh dan taat setia kami, haraplah tolak berita yang berlawanan kepada maksud kemerdekaan Sarawak dengan menggunakan kenyataan ini yang kami beri kuatkuasanya dengan bebas kepada Yang Maha Mulia untuk digunakan siaran tetuag udara ataupun menerusi

41 Bob Reece, *Datu Bandar: Abang Hj. Mustapha of Sarawak*, hlm. 95-96.

42 Dalam Ho Ah Chon (compiled), *Sarawak Historical Events 1946-1960*, Kuching: See Hua Daily News Bhd., 1992, hlm.7, mencatatkan 17 Mei.

43 "...the Rajah with the advice and consent of the Council Negri of Sarawak, and entitled Order No. C – 24 (Cession of Sarawak) 1946: The territory of the State of Sarawak, and the full sovereignty and dominion over the State, are hereby ceded by the Rajah, acting with the advice and consent of the Supreme Council of Sarawak, to and accepted on behalf of His Majesty, His Heirs and Successors, as from the date on which this Instrument comes into operation (hereinafter called the of cession), to the intent that the State of Sarawak shall thereupon become part of His Majesty's dominion". A.J. Stockwell, L.R. Wright (eds), *A Collection of Treaties and Other Documents Affecting the States of Malaysia 1791-1963*, Volume II, London: Oceana Publications, Inc., 1981, hlm. 669.

44 Salam b. Ahmad, *Datu Patinggi Abang Abdillah [Antik]: Ketua & Pemimpin Masyarakat Melayu Sarawak Pramerdeka*, hlm. 49-50.

akhbar-akhbar. Kemerdekaan kita telah tercabul, apakah gunanya Ikrar Atlantik Pertubuhan Bangsa-Bangsa Syarikat dan wasiat politik dari Sir Charles Brooke itu?⁴⁵

Dalam pada itu, Philip Jitam Presiden PDS dalam telegramnya bertarikh 8 Jun 1946 kepada Raja Muda Anthony Brooke memaklumkan kaum Dayak Bahagian Pertama, Kedua, separuh daripada Ketiga, Keempat, dan Kelima menolak serahan Sarawak kepada kerajaan baginda raja.⁴⁶ Kemudiannya Datu Patinggi Abang Haji Abdillah bersama presiden PKMS dan PDS menghantar lagi kawat kepada Tuan Muda Betram Brooke pada 19 Jun 1946. Dalam kawat kali ini dinyatakan:

Kaum-kaum Dayak dan Melayu di Sarawak berkehendakkan Yang Mulia Tuan Muda memegang hak kedaulatan Raja Sarawak kerana Sir Vyner Brooke mungkin kepada ikrar tatkala ia naik takhta kerajaan dan dengan suka hatinya telah meletakkan jawatannya itu dengan jalan redha menyerahkan negeri Sarawak. Kita pandang perbuatannya itu sebagai memecah amanah kepada rakyat Sarawak. Haraplah terangkan ketetapan kami kepada orang ramai British, Setiausaha Jajahan Takluk Yang Amat Berhormat Tuan Winston Churchill dan Dewan Mesyuarat Orang Ramai London bahawa kami kehendaki pemerintahan yang mempunyai raja akan berjalan terus demikian juga harga kemerdekaan kami. Kami kehendaki langkah yang seberapa segera kerana kehendak kami yang sejatinya semata-mata berpuas hati dengan Yang Amat Mulia Tuan Muda diakui pada hakikat dan di sisi undang-undang menjadi bakal mewarisi takhta kerajaan, dengan yang demikian kehadiran dia dan orang yang dilantiknya adalah berkuasa di sini. Harap jawab penerimaan.⁴⁷

Bantahan dan tentangan penduduk Sarawak terhadap serahan Sarawak tidak menghalang keputusan yang diperkenankan baginda raja melaksanakan rancangan Sarawak sebagai jajahan mahkota. Pada 26 Jun 1946, di Istana Buckingham, London, Baginda King dalam Majlis Mesyuarat, bersabit Surat Cara "...penyerahan bertarikh pada 21 Mei 1946, Yang Maha Mulia Sir Charles Vyner Brooke G.C.M.G. , Raja Sarawak dengan nasihat dan persetujuan Majlis Mesyuarat Tinggi Sarawak telah menyerahkan kepada Duli Yang Maha Mulia Baginda King, waris-warlis, pengganti-penggantinya, kawasan negeri Sarawak serta kedaulatan yang penuh dan perintahan di atas negeri yang tersebut itu". Dengan itu negeri Sarawak "...menjadi sebahagian daripada jajahan takluk kepada Duli Yang Maha Mulia Baginda King". Serahan Sarawak akan berkuatkuasa pada 1 Julai 1946, dan mulai tarikh ini Sarawak diilhakkan,

45 Datu Patinggi and Presidents, Malay Union and Dayak Association of Sarawak to Anthony Brooke (Rajah Muda), 7 June 1947, dalam Anthony Brooke, Anthony Brooke, *Perihal Sarawak yang Sebenar*, hlm. 86, dan Anthony Brooke, *The Facts About SARAWAK A documented account of the Cession to Britain in 1946*, Singapore: Summer Times Publishing, 1982, hlm. 91. Salam b. Ahmad, *Datu Patinggi Abang Haji Abdillah [Antik]: Ketua dan Pemimpin Masyarakat Melayu Sarawak Pramerdeka*, hlm. 51.

46 Anthony Brooke, *Perihal Sarawak yang Sebenar*, hlm. 86.

47 Kawat daripada Datu Patinggi, Presiden Persatuan Melayu Sarawak, Persatuan Dayak kepada Raja Muda, 19 Jun 1946, dalam Anthony Brooke, *Perihal Sarawak yang Sebenar*, hlm. 89-90. Telegram from Datu Patinggi and Presidents, Malay Union and Dayak Association of Sarawak to Anthony Brooke (Rajah Muda), 19th June 1946, dalam Anthony Brooke, *The Facts About SARAWAK A documented account of the Cession to Britain in 1946*, hlm. 95. Salam b. Ahmad, *Datu Patinggi Abang Haji Abdillah [Antik]: Ketua dan Pemimpin Masyarakat Melayu Sarawak Pramerdeka*, hlm. 51-52.

dan menjadi sebahagian daripada tanah-tanah jajahan Duli Yang Maha Mulia Baginda King dan dinamai Colony of Sarawak (Tanah Jajahan Sarawak)". Seterusnya, "Duli Yang Maha Mulia Baginda King sendiri, waris-waris, pengganti-pengganti baginda berhak di atas kuasa membatalkan, mengubah, menambah atau pun meminda perintah ini".⁴⁸

Mesyuarat 26 Jun 1946, dihadiri Baginda King di Istana Buckingham tersebut mengakhiri rundingan serahan Sarawak. Dalam mesyuarat ini dinyatakan Sarawak sebagai jajahan mahkota akan berlangsung pada 1 Julai 1946. Dengan itu upacara serahan berlangsung di hadapan Mahkamah, Pangkalan Batu, Kuching pada 1 Julai 1946. Peristiwa ini dikenali sebagai Hari Serahan atau *Cession Day*. Upacara ini antara lain dihadiri Pesuruhjaya Tinggi MacDonald sebagai wakil kerajaan British, Ketua Setiausaha Negeri Sarawak, dan pemangku Gabenor Sarawak, C.W. Dawson. Kemudiannya jawatan Gabenor Sarawak pertama disandang oleh Charles Noble Arden Ckarke.⁴⁹ Beliau berikrar akan mengekalkan Perlembagaan 1941, menjamin hak dan kepentingan bumiputera.⁵⁰

Perjuangan anti-Serahan (*anti-cession*) dan Serahan (*cession*)

Perjuangan anti-serahan bertambah semarak. Datu Patinggi Abang Abdillah tidak hadir dalam upacara pengisytiharan penyerahan pada 1 Julai 1946 dengan alasan terasa terhina dan dukacita.⁵¹ Seterusnya beliau dan presiden PKMS menghantar telegram kepada Perdana Menteri British, Clement Atlee membantah serahan tersebut. Dalam telegram bantahn itu dinyatakan:

Dengan hormatnya saya sampaikan kepada tuan bantahan berkenaan dengan penyerahan Sarawak di atas perkara-perkara seperti berikut: Yang pertama: Tidak ada pengakuan yang sah daripada wakil-wakil pihak bumiputera telah diberi kepada penyerahan itu. Yang keduanya: Rakyat Sarawak tidak berkehendakkan negeri mereka menjadi tanah jajahan Mahkota Inggeris. Yang ketiganya: Mereka itu berkehendak supaya dikekalkan perintahan beraja Sarawak. Yang keempat: Suara undian pihak bumiputera dalam Majlis Mesyuarat Negeri ialah 12 suara lawan Lima suara daripada Sembilan menyertujui penyerahan ialah disebabkan oleh pengaruh wang. Bantahan telah nyata dengan seterang-terangnya seratus peratus dan membayangkan pada dia yang sebenar-benarnya perasaan rakyat Sarawak. Yang kelima oleh yang demikian, alat penyerahan yang telah disahkan oleh Majlis Mesyuarat Tertinggi itu adalah batal oleh Fasal 4. Datu Patinggi yang jawatannya adalah seumpama Yang Amat Mulia Duke of Norfolk tidak bersama-

-
- 48 Perintah Penyerahan Sarawak Dalam Majlis Mesyuarat 1946, dalam Anthony Brooke, *Perihal Sarawak yang Sebenar*, hlm. 91.
- 49 Charles Noble Arden Clarke lahir pada 1898; lulusan Emmanuel College, Cambridge, London. Sebelum menyandang Gabenor Sarawak, beliau bertugas sebagai Gabenor Afrika. Memegang jawatan Gabenor Sarawak pada 29 Oktober 1946, dan tamat pada 26 Julai 1949. Jeniri Amir, *DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA: Pejuang Kemerdekaan Sarawak dalam Malaysia*, Kuching: Penerbit Jenza Enterprise, 2013, hlm. 100.
- 50 Nordi Achie, "Pentadbiran Kolonial British di Sarawak 1946-1950: Satu Tinjauan Terhadap Kritikan Awal Ikhwan Zaini", *Purba*, Jurnal Persatuan Muzium Malaysia, Bilangan 25-2006, hlm. 226.
- 51 Salam b. Ahmad, *Datu Patinggi Abang Haji Abdillah [Antik]: Ketua dan Pemimpin Masyarakat Melayu Sarawak Pramerdeka*, hlm. 25.

sama menandatangani. Yang keenam, kerana Sir Charles Vyner Brooke mungkir kepada Ikrar tatkala ia naik kerajaan demikian juga telah mungkir kepada wasiat politik Sir Charles Brooke dan dengan sukarelaya telah menghapuskan jawatan Raja Sarawak dengan menerima penyerahan itu, oleh yang demikian dengan kelakuannya melakukan pecah amanah ke atas rakyat Sarawak, maka kami dengan hormatnya menjemput Tuan Muda kerana ia mewarisi tahta kerajaan Sarawak itu supaya memegang jawatan menjadi Raja Sarawak. Kami memandang Tuan sebagai Perdana Menteri Great Britain untuk mengekalkan keamanan dan menghormati kehendak-kehendak Sir Charles [Brooke] sebagaimana yang telah tersebut dalam wasiat politiknya itu. Kami dengan hormatnya menerima kasih kepada tuan bagi menyempurnakannya.⁵²

Namun begitu segala usaha dan langkah Datu Patinggi Abang Haji Abdillah ini tidak mendapat perhatian daripada kerajaan baginda raja. Sehubungan itu beliau menulis surat pada 26 Julai 1946, kepada Tuan Muda Betram Brooke. Dalam surat ini dinyatakan seperti berikut:

Diharap Tuan akan kirimkan keputusan rayuan kami kepada Perdana Menteri. Jika jawabnya tidak kami tidak ada langkah lain melainkan meminta Tuan merayu kepada Pertubuhan Bangsa-Bangsa Syarikat atau Amerika yang mengiktiraf kemerdekaan kami semenjak tahun 1850 dan kami hargai pengakuan itu. Sudah tentulah perkara ini akan berlawanan kepada Amerika Syarikat yang berdasarkan mencari keamanan dan kemerdekaan bangsa-bangsa besar dan kecil kerana tidak ada menaruh belas kasihan kepada kepupusan kemerdekaan Sarawak dengan tidak ada kebenaran dan kemahuan rakyat Sarawak.⁵³

Kemudiannya Datu Patinggi Abang Haji Abdillah bersama Abang Zaini,⁵⁴ presiden PKMS menghantar surat bantahan penyerahan Sarawak kepada gabenor baharu. Usaha ini tidak mendatangkan hasil.⁵⁵ Dengan itu pada 17 November 1946, Datu Patinggi Abang Haji Abdillah menulis surat kepada Tuan Muda Betram Brooke menyatakan hasrat ingin berjumpa. Usaha ini juga gagal kerana Datu Patinggi Abang Haji Abdillah meninggal dunia pada 21 November 1946.⁵⁶

Kematian Dato' Patinggi Abang Haji Abdillah tidak menghambat perjuangan anti-serahan, sebaliknya perjuangan tersebut bertambah hangat. Dalam pada itu muncul pula beberapa pertubuhan baharu. Antaranya Barisan Pemuda Sarawak (BPS), Persatuan Pemuda Melayu, dan PPMS.⁵⁷ BPS yang ditubuhkan pada 1946 itu dipimpin oleh Abang

52 Datu Patinggi and President, Malay Union of Sarawak to Prime Minister Atlee, 1 July 1946, dalam Anthony Brooke, *The Facts About SARAWAK A documented account of the Cession to Britain in 1946*, hlm. 99. Salam b. Ahmad, *Datu Patinggi Abang Haji Abdillah [Antik]: Ketua dan Pemimpin Masyarakat Melayu Sarawak Pramerdeka*, hlm. 52-53.

53 Salam b. Ahmad, *Datu Patinggi Abang Haji Abdillah [Antik]: Ketua dan Pemimpin Masyarakat Melayu Sarawak Pramerdeka*, hlm. 53.

54 Abang Haji Zaini ialah anak Datu Bentara, Presiden Persatuan Kebangsaan Melayu Sarwak yang kedua, dari 1947 hingga 1953, menggantikan Presiden pertama, Datu Amar Abang Sulaiman bin Abang Taha Shahadan.

55 Salam b. Ahmad, *Datu Patinggi Abang Abdillah [Antik]: Ketua & Pemimpin Masyarakat Melayu Sarawak Pramerdeka*, hlm. 54.

56 *Ibid.*, hlm. 56.

57 *Ibid.*, hlm. 58.

Haji Mohammad Kassim.⁵⁸ Matlamat BPS adalah seperti berikut:

1. (a) Menggalakkan perkembangan iktisad.
(b) Membasmikan perbuatan yang merugikan, dan meruntuh iktisad bangsa bumiputera Sarawak.
2. Memajukan pelajaran.
3. Mempertahankan dan memperjagakan hak dan cita-cita Kebangsaan Bumiputera Sarawak.
4. Mempertahankan adat istiadat yang terbaik dan cagar di belakang hari bagi Kebangsaan Bumiputera Sarawak.
5. Menyokong polisi kerajaan Baginda Queen ke arah berkerajaan sendiri (merdeka).⁵⁹

Oleh kerana perjuangan anti-serahan bertambah semarak, kerajaan British melalui, Gabenor Sir Noble Arden Clark mengambil langkah mengeluarkan surat pekeliling rasmi No. 9 bertarikh 10 Disember 1946 kepada kakitangan kerajaan supaya menurunkan tandatangan dan mengembalikannya. Dalam hal ini dinyatakan tandatangan tersebut bukan bermakna menyokong anti-serahan, tetapi sebagai tanda menyokong kerajaan dan tidak terlibat dalam politik. Walaupun demikian PKMS membuat tafsiran berbeza, dan menyebarkan kempen menyatakan menurunkan tandatangan bererti menyokong serahan. Kempen PKMS ini berjaya menawan hati dan fikiran kakitangan kerajaan tertentu. Dengan itu ramai kakitangan kerajaan menentang pekeliling ini, dan mengambil tindakan meletak jawatan. Tindakan ini membawa kepada perkembangan baharu dalam perjawatan kerajaan. Kekosongan itu diisi oleh bukan Melayu. Antara Jabatan yang sangat terkesan oleh perletakan ialah pendidikan. Namun begitu PKMS menyatakan dalam kempen perletakan jawatan kakitangan kerajaan ini sebagai suatu mencapai kejayaan besar perjuangan mereka.

Walaupun perletakan jawatan itu melebihi 400 orang (kumpulan ini dikenali sebagai Kumpulan 338) pada 2 April 1947, tetapi tidak memberi kesan besar kepada pentadbiran kerajaan negeri Sarawak. Namun demikian 22 daripada 62 sekolah kerajaan terpaksa ditutup, kerana antara yang meletakkan jawatan itu terdiri daripada 87 orang guru daripada 152 guru yang berkhidmat di Sarawak.⁶⁰

Dalam pada itu, salah satu kesan kempen pemuluan dan pekeliling No. 9 mendorong Datu Bandar Abang Haji Mustapha menubuhkan Persatuan Melayu Muda (*Young Malay*

58 Abang Haji Mohammad Kassim memegang jawatan Presiden sehingga 1961. Pada tahun 1961 dalam pemilihan pucuk pimpinan, jawatan Presiden dimenangi oleh Ahmad Zaidi Adruce; manakala Abang Haji Mohammad Kassim sebagai Timbalan Presiden. (Salam b. Ahmad, *Datu Patinggi Abang Haji Abdillah [Antik]: Ketua dan Pemimpin Masyarakat Melayu Sarawak Pramerdeka*, hlm. 89-90). Abang Haji Mohammad Kassim dilahirkan pada 15 April 1926 di Kuching, Sarawak; anak Abang Mohammad Taha dengan Dayang Hasiah. Mendapatkan didikan di beberapa buah sekolah: Sekolah Abang Abdillah, Madrasah Melayu, Kampung Jawa; Sekolah St. Thomas, Kuching; Sekolah Melayu Tangling, Singapura; Sekolah Melayu Kota Raja, Singapura; dan pada 29 Disember 1937 memasuki Maktab Melayu Kuala Kangsar (Malay College Kuala Kangsar), Perak. Menuntut di sini sehingga darjah VII, sehingga Disember 1941 kerana Tanah Melayu diserang Jepun. Kembali ke Sarawak pada tahun 1942. (Salam b. Ahmad, *Datu Patinggi Abang Haji Abdillah [Antik]: Ketua dan Pemimpin Masyarakat Melayu Sarawak Pramerdeka*, hlm. 75-84).

59 Salam b. Ahmad, *Datu Patinggi Abang Haji Abdillah [Antik]: Ketua dan Pemimpin Masyarakat Melayu Sarawak Pramerdeka*, hlm. 90.

60 Haji Said bin Haji Mohidin, *Pemberontakan di Brunei 1962*, Limbang: Penerbit Haji Said bin Haji Mohidin, 2010, hlm. 12.

Association-YMA) pada Jun 1947 di dewan, Kampung Masjid. Persatuan ini diketuai oleh Datu Bandar Abang Haji Mustapha sebagai Presiden; Haji Muhammad Yusof, pegawai kanan bumiputera sebagai Timbalan Presiden; Datu Amar Abang Haji Suleiman sebagai Penaung; Abang Haji Osman (adik Datu Bandar Abang Haji Mustapha), pegawai C.I.D. Kuching sebagai Setiausaha Agung; dan Sub-Inspektor Mohammad sebagai Setiausaha Sukan. Matlamat utama Persatuan ini untuk meningkatkan keyakinan pemuda, khususnya daripada keluarga penyokong penyerahan yang menghadapi cemuhan atau kritikan dan pemulauan daripada golongan anti-serahan. Walaupun kerajaan kolonial tidak menunjukkan sokongan secara terbuka, tetapi Raja ada memberi sumbangan sokongan sebanyak 10,000 paun. Selain itu matlamat Persatuan Melayu Muda adalah untuk memajukan sosial dan ekonomi orang Melayu.⁶¹ Langkah ini diambil kerana mereka yang menyertai Persatuan Pemuda Melayu menyedari kedudukan masyarakat Melayu ketinggalan dalam berbagai aspek, dan jika menentang penyerahan orang Melayu akan mengalami kerugian. Pandangan ini berbeza dengan anti-serahan menyatakan mempunyai semangat cinta tanah air dan tidak mahu Sarawak dijajah.⁶²

Pada 1 Julai 1947, upacara sambutan ulang tahun pertama serahan diadakan di Kuching, Sarawak. Dalam upacara ini Raja Charles Vyner Brooke menyatakan dalam ucapannya, ‘...segala adat-adat lama itu adalah masih dijaga dengan cermat. Begitu juga cadangan-cadangan yang mustahak ada diaturkan dengan perbelanjaan Kerajaan Baginda King dari negara British bagi memperbaiki kehidupan dan kemajuan rakyat Sarawak’. Seterusnya Raja Charles Vyner Brooke menjelaskan pernyataan golongan anti-serahan tentang hilang kemerdekaan, dan mendapatkan semula. Raja Vyner Brooke menjelaskan rakyat Sarawak telah pun memindahkan taat setia mereka daripada Raja Sarawak kepada Baginda Raja, statusnya lebih besar dan tinggi, dan sudah lama sebagai pelindung negeri Sarawak. Dengan itu Sarawak kini memasuki perkembangan baharu bergerak menuju sebagai sebuah negeri merdeka.⁶³

Dalam pada itu golongan anti-serahan melancarkan bantahan besar-besaran melalui tunjuk perasaan 1 Julai 1947, hari ulang tahun penyerahan Sarawak.⁶⁴ Dalam bantahan ini ribuan orang Melayu Kuching menyertai tunjuk perasaan menentang serahan Sarawak sebagai jajahan mahkota British. Mereka yang terdiri daripada 16 kumpulan berarak dari rumah Datu Patinggi Abang Haji Abdillah di Kampung Masjid, membawa sepanduk bergerak menuju ke tugu peringatan Brooke berhampiran Pangkalan Batu. Antara sepanduk atau poster yang dibawa itu mencatatkan: “KAMI MAHU KEMERDEKAAN”; “HANCUR PENJAJAH BRITISH” dan “HARAP SELAGI BERNAFAS”.⁶⁵

Suatu perkara yang menarik, dan sangat perlu dikongsi ialah motif tulisan yang ditulis pada sepanduk yang dipamerkan tunjuk perasaan bantahan serahan itu. Memang tidak dapat dinafikan pada sepanduk yang dipamerkan itu tercatat: “Ribu Kali Merdeka! Tetap Merdeka”, “MAREDAEKA TRUS!”, “NATIVES OF SARAWAK DO NOT WANT THEIR COUNTRY TO BECOME C. COLONY”, “WE DO NOT WANT TO BE COLONISED”, “KAMI TAK REDZA NEGERI KAMI KENA JUAL”, “MENAHANKAN TANAH AIR”, “SARAWAK

61 *Ibid.*, hlm. 12-13.

62 Suffian bin Mansur, *Sejarah Pembentukan Parti Pesaka Bumiputra Bersatu Sarawak (1959-1974)*, hlm. 17.

63 Jeniri Amir, *DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA: Pejuang Kemerdekaan Sarawak dalam Malaysia*, hlm. 105.

64 Salam b. Ahmad, *Datu Patinggi Abang Abdillah [Antik]: Ketua & Pemimpin Masyarakat Melayu Sarawak Pramerdeka*, hlm. 58.

65 Haji Said bin Haji Mohidin, *Pemberontakan di Brunei 1962*, hlm. 13.

CESSION IS ILLEGAL”, “WE APPEAL TO H.H. THE KING TO REVOKE ANNEXATION OR CESSION”, “WHY BRITISH ACCEPT ILLEGAL CESSION”, “CIRCULAR No. 9 SPOILED MALAY EDUCATION IN SARAWAK”, dan “HIDUP SARAWAK MERDEKA HANCHOR COLONY” Namun begitu dari segi lain perjuangan tersebut menimbulkan persoalan, khususnya sejauh manakah perjuangan pimpinan PKMS itu adalah perjuangan kemerdekaan? Persoalan timbul kerana seiringan sepanduk perjuangan mereka yang diarak itu terdapat sepanduk yang ditulis: “WE WANT ANTHONY BROOKE TO BE RAJAH OF SARAWAK”, “ANTHONY BROOKE IS OUR BELOVED RULER”, “BRITAIN IS OUR PROTECTOR NOT COLONISER”, “WE WANT RAJA MUDA ANTHONY BROOKE TO ENTER SARAWAK SOON”, dan “THERE WILL BE NO DISODERS WHEN RAJAH ARRIVES HERE”. Dengan itu dalam perkataan lain, pada satu segi jelas perjuangan itu mempersoalkan serahan sebagai jajahan mahkota, Sarawak negeri merdeka, dan kemerdekaan. Memang tidak dinafikan dalam kalangan anti-serahan mereka berpegang, Sarawak adalah negeri merdeka, Raja Brooke adalah pilihan dan lantikan mereka, serta Sarawak hanyalah negeri lindungan British, bukan jajahan mahkota British. Namun dari sudut lain, tulisan yang dipamerkan pada sepanduk menunjukkan mereka memuja Anthony Brooke dan British. Mereka sangat mengharapkan keluarga Brooke kembali, dan memerintah Sarawak, serta Sarawak kekal sebagai negeri lindungan British. Dengan itu perjuangan anjuran PKMS adalah menolak serahan, dan menyokong keluarga Brooke memerintah Sarawak.

Pergerakan pertubuhan Melayu Bahagian ke Tiga, Sibü diberi perhatian oleh kerajaan. Misalnya pada 7 November 1947, Residen Bahagian Tiga menghantar senarai nama anggota Persatuan Melayu Sarawak, Cawangan daerah Balingian untuk pengetahuan Ketua Setiausaha. Laporan mencatatkan: Presiden, Ismail bin Haji Osman (Melanau Islam); Naib Presiden, Mendani bin Haji Brahim (Melanau Islam); Setiausaha, Suhaili bin Gagap (Melanau Islam); Bendahari, Jaya bin Osman (Melanau Islam); Timbalan Bendahari, Hamid bin Abdul Rajak (Melanau Islam); Ahli Jawatankuasa; Kuip bin Kelfah (Melanau Islam), Sulei bin Drahman (Melanau Islam), Wasli bin Abdul Rajak (Melanau Islam), Ahmad bin Wahap (Melanau Islam), Japar bin Osman (Melanau Islam), Samat bin Murah (Melanau Islam), dan Lai bin Jerman (Melanau Islam).⁶⁶ Perhatian kerajaan terhadap pertubuhan di Bahagian Ketiga adalah berkait rapat dengan kegiatan cergas PPMS.

Dalam perkembangan seterusnya, ketika berucap dalam Majlis Negeri pada 8 Disember 1947, Gabenor Sir Noble Arden Clarke menyatakan kumpulan kakitangan meletak jawatan adalah disebabkan oleh “...boycott pergaolan dan ugama dan di-pengarohi oleh berita yang ta’ betol yang telah di-siarkan”. Pernyataan gabenor ini dinafikan oleh Abang Zaini, Yang Dipertua PKMS dalam suratnya kepada gabenor, bertarikh 14 Disember 1947. Dalam pernyataan balas tersebut, Abang Zaini menyatakan mereka yang meletak jawatan mengutus surat kepada Raja Muda menyatakan “...mereka meletak jawatan masing-masing bukan-nya kerana terkena pengaruh; mereka meletak jawatan-nya ia-lah menunjok bahawa mereka tiada redza taraf kemardeka’an negara mereka di-hapuskan”.⁶⁷

66 FCO 141/12329, Resident Third Division kepada The Hon’ble the Chief Secretary, Kuching, 7th November, 1947, Subject: Anti-Cessionist, terlampir Persatuan Melayu Sarawak Chawangan Balingian, Office Bearers

67 FCO 141/12342, Abang Zaini, Yang Dipertua Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak kepada Sir Charles Noble Arden Clarke, Kt., C.M.G., Kuching, Sarawak, 14th December, 1947. Salinan surat ini dihantar kepada: Tuan Perdana Menteri British, London; Tuan Setia Usaha Negara ontok Jejahan, London; H.H. The Tuan Muda of Sarawak, London; H. Ex. The Governor General, Malaya; Hon’ble The Chief Secretary, Kuching.

Dalam hal ini adalah sangat wajar dikemukakan pandangan lain untuk membolehkan suatu penilaian bandingan terhadap penjelasan PKMS itu. Dalam sepucuk surat bertarikh 12 Oktober 1947, yang dialamatkan kepada Gabenor Sarawak dicatatkan seperti berikut:

...berkenaan dengan hal kami2 orang berjumlah 338 orang sudah terluchut daripada pekerjaan perintah kerana tertipu oleh Abang Openg dan Ketua2 Persatuan Melayu Sarawak, kerana dia orang berkata tidak guna kamu sakalian bekerja dengan perintah colony, biarlah kamu sakalian berhanti dari jawatan manunggu kedatangan tuan Anthony Brooke, menjadi Rajah of Sarawak, dan lagi kami sendiri kena tipu sampi kami punya wang kena ambil oleh club Persatuan malayu Sarawak pada masa kami orang manerima provident fund dan Bonus hingga kami orang terpaksa di ambil nya wang kami sapuluh satu (10%.) tidak tahu apa kajadian nya sampi sekarang kami orang2 dalam kampong kena pungutan wang (collection) 4 atau 5 kali dalam 1 bulan dengan jualan jualan Benera Sarawak dan Gambar2 tuan Anthony Brooke dan gambar isteri nya.⁶⁸

Seterusnya dinyatakan “Sudah kami di larang bekerja pinta wang jua lagi pada kami orang tiada lah kami orang bertahan, harap lah kami orang minta tolong tangkap dia orang seperti tersebut Nama...” yang disifatkan sebagai “...panipu besar dan bikin rusak ra’ayat negeri”. Surat itu menyenaraikan nama seperti berikut: (1) Abang Openg Native officer (2) Haji Zaini bin Haji Hassim (3) Mohd. Nor bin Haji Hassan (4) Johari bin Anang, General Secretary, Persatuan Melayu (5) Hj. Derahman bin Hj. Kassim, Java Road No. 1 (6) A’nhain?⁶⁹ bin Alin, Sarawak Electricity Supply Co. Ltd. (7) Bol Hassan bin Ahmad Tasip, Kampung Bintangor, Kuching (8) Mohd. Johar of Matu Melanau, P.W.D. carpenter (9) Japar penjual kueh, Kampung Boyan, Kuching (10) Chee’ Abdullah Kampung Panglima Seman, Kuching (11) Pitani bin Haji Zen of steamship co., Ltd. (12) Suhaili bin Malair, Hj. Taha Road, Kuching (13) T.K. Hassan Kg. No. 3 (14) T.K. Dol Kg. Jawa (15) T.K. Awang Ejei Kampung Surbaya (16) T.K. Seman Sungai Batu (17) T.K. Amin Kg. Lintang (18) Nong bin Sahed, P.W.D. Carpenter.⁷⁰

Pada 10 Disember 1947, sempena Hari Keputeraan Anthony Brooke Raja Muda Sarawak, ribuan bumiputera, lelaki dan wanita menyertai perarakan yang juga menonjol perasaan, dianjurkan oleh PKMS. Perarakan ini disertai Melayu, tanpa kaum lain, dan diketuai bekas Inspektor Konstabulari Sarawak Haji Zaidel, serta jumlahnya 3,000 Melayu, 50 peratus daripadanya adalah wanita. Mereka membawa beratus-ratus sepanduk dalam pelbagai Bahasa, Melayu, Cina, dan tulisan jawi, yang antaranya berbunyi: “We want the ban on the Raja Muda to enter Sarawak to be lifted”,⁷¹ “Happy birthday to the Rajah Muda”, “Cession is illegal it must be revoked”, “Sarawak is our heritage – No cession”, “Long live Anthony Brooke to be Rajah of Sarawak”, “We want Anthony to be Rajah of Sarawak”, “We want our Indendent to be restored”, dan “We plead H.M. King to revoke the illegal Cession”. Pernyataan pada sepanduk

68 FCO 141/12342, surat (hanya tandatangan) dan dicatat C. 9/338 kepada Yang Amat Berhormat Yang Terutama Tuan H.E. the Governor of Sarawak, Kuching, 12th Oct. 1947.

69 Sukar dibaca kerana terdapat tompok merah di atas ejaan nama tersebut.

70 FCO 141/12342, surat (hanya tandatangan) dan dicatat C. 9/338 kepada Yang Amat Berhormat Yang Terutama Tuan H.E. the Governor of Sarawak, Kuching, 12th Oct. 1947.

71 FCO 141/12329, Official Memorandum, Officer Supt: Kuching Const. Sector to Commissioner, Sarawak Constabulary, 16th December, 1947, Subject: Anti-cession procession on 10.12.47.

jelas membuktikan mereka mahu Raja Brooke kembali di Sarawak, merayu baginda raja membatalkan serahan yang disifatkan sebagai haram, dan mengekalkan pentadbiran keluarga Brooke. Selepas berarak dalam tunjuk perasaan, mesyuarat diadakan. Mesyuarat mengambil keputusan "...melancarkan satu bantahan yang keras kepada Perdana Menteri British di atas larangan kepada Tuan Anthony Brooke masuk ka-Sarawak dan atas Penyerahan yang haram itu".⁷² Dalam pada itu dinyatakan matlamat tunjuk perasaan adalah:

...untuk membuktikan dengan seterang2-nya, kepada Keraja'an British dan Ra'ayat British khas-nya dan kepada Dunia 'am-nya bahawa bumiputera Sarawak sebenarnya tiada bersetuju Kemerdeka'an negara mereka di-hapuskan dan larangan ka-atas Tuan Anthony Brooke masuk ka-Sarawak itu di-jalankan.⁷³

Motif gerakan anti-serahan PKMS, dan pertubuhan bersamanya adalah menolak Sarawak sebagai jajahan mahkota, keluarga Brooke kembali memerintah, dan mengembalikan kemerdekaan Sarawak. Mereka berpendapat Sarawak adalah sebuah negeri merdeka di bawah pentadbiran keluarga Brooke. Langkah kerajaan baginda raja menjadikan Sarawak sebagai jajahan mahkota sebagai tindakan haram, dan menjajah Sarawak. Dengan itu mereka melahirkan perjuangan anti-serahan itu tidak benci British, tetapi masih berkeinginan kerajaan baginda raja sebagai pelindung, dan keluarga Brooke sebagai pemerintah. Perarakan ini mendapat liputan *Nanyang Commercial Press*, 11 Disember 1947. Akhbar menyiarkan penduduk tempatan berhimpun dan menyambut hari lahir Anthony Brooke, anak saudara bekas Raja Sarawak dalam satu perarakan berserta pelbagai bentuk bendera serta slogan. Antara slogan: "Revoke the order which bans Anthony's entry into Sarawak", "We appeal to His Majesty to revoke cession which is illegal", dan "Restore us our independency of old days".⁷⁴

Namun dalam tulisan yang dikarang Johari Anang berjudul "Bayangan fikiran dan pandangan Haji Abdul Rahman (dikeluar dalam mesyuarat Siasat P.K.M.S. pada 22 February, 1949)" sangat menarik, dana mat baik jika dibuat perbandingan dengan kebanyakan pernyataan yang ditulis pada sepanduk tersebut. Timbul persoalan di sini, apakah fikiran dan pandangan Johari Anang ini mewakili PKMS atau pernyataan perjuangannya. Dalam tulisan ini menyatakan dasar kerajaan British menakluki Sarawak disebabkan oleh tiga faktor: "... pertama hendak memperbaiki kalemahan Economy British, sebab kedua hendak membuat tempat pertahanan perang untuk mengawal jajahan2 British ditanggara Asia, dan sebab katiga barangkali ada membuat perjanjian sulit dengan Raja Vyner Brooke". Mengenai perjanjian sulit ini, Johari Anang mengesyaki adalah satu rancangan bagi kerajaan British memerintah sementara negeri Sarawak sementara menunggu Simon Brooke, cucu Raja Charles Vyner Brooke cukup umur, dan kerajaan British akan memulangkan pentadbiran Sarawak kepada keluarga Brooke. Keyakinan ini didasarkan kepada pernyataan dalam *Cession Bill* yang menyebut Baginda King sahaja yang berkuasa membatalkan serahan.⁷⁵ Pandangan kerajaan

72 FCO 141/12342, Abang Zaini, Yang Dipertua Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak kepada Sir Charles Noble Arden Clarke, Kt., C.M.G., Kuching, Sarawak, 14th December, 1947.

73 *Ibid.*

74 FCO 141/12329, Translation of a news item in Nanyang Commercial Press, 11.12.47. Terjemahan ini disahkan benar oleh mereka yang bertandatangan, tanpa nama, 11/1 dan 13.1.48.

75 FO 141/12343, Cession Papers Seized (seterusnya diringkaskan sebagai FO 141/12343, "CPS"), Dikarang oleh Johari Anang, "Bayangan fikiran dan pandangan Haji Abdul Rahman (Dikeluar dalam mesyuarat Bahagian Siasat P.K.M.S. pada 22 February, 1949). Tulisan tiga halaman; halaman 1, dan 3, dipotong dengan garisan; halaman 2, kekal tanpa garisan.

British membuat perjanjian sulit dengan Raja Charles Vyner Brooke untuk maksud yang dinyatakan itu adalah tidak tepat sama sekali. Sekali gus membuktikan Johari Anang, dan PKMS tidak mendapat maklumat, serahan Sarawak sebagai jajahan mahkota adalah keputusan dan perkenan kerajaan baginda raja.

Dalam hujahan tentang kepentingan ekonomi, dinyatakan Sarawak adalah sebuah negeri kaya dengan bahan mentah. Namun begitu apabila menjadi jajahan mahkota, kerajaan membuka dengan mudah kemasukan bangsa dagang ke Sarawak. Perkembangan ini amat dikhuatiri, satu hari nanti jumlah penduduk bumiputera lebih kecil berbanding dengan bangsa dagang. Antara kesannya, mata pencarian hidup dalam kalangan bumiputera bertambah sempit dan susah. Oleh itu rakyat Sarawak tidak hanya memandang dan mendengar sahaja, tetapi hendaklah bertindak membangkang. Kini, ekonomi seluruh Sarawak hampir semuanya dipegang orang Cina, dan perniagaan dan perusahaan besar pula dipegang orang kulit puteh. Perusahaan balak di Bahagian ke Tiga diuruskan oleh sebuah kompeni. Penduduk tempatan diupah atau digaji sebagai kuli, menebang pokok. Jika ini berlarutan, satu hari nanti kayu balak akan habis di Sarawak. Penikmat keuntungan kepunyaan orang lain, balak dibawa ke luar negara, dan ditukar dengan pound. Dengan itu yang menanggung kerugian bumiputera, dan yang kaya orang lain. Begitu juga jika tanah yang dimiliki bumiputera dibuka untuk pertanian, mereka akan digunakan sebagai alat untuk kepentingan perusahaan tersebut. Bumiputera bukan sahaja kehilangan hak milik tanah, tetapi “Mereka akan jadi kuli atau orang2 hanyut didalam negri-nya sendiri”. Dalam hal ini penduduk digesa berubah, meningkatkan jumlah milik kebun, bukan hanya satu persepuluh, berbanding sembilan persepuluh milik orang bangsa asing.

Sementara itu bumiputera Sarawak juga diberi ingatan, mereka tersangat mundur dalam pelajaran. Namun bumiputera dimaklumkan dalam kalangan pegawai British bukan semuanya menjalankan “...tipu muslihat dan kedzaliman”, tetapi terdapat juga yang menjalankan keadilan. Juga mengikut sejarah, kerajaan British pernah membetulkan kesalahan mereka. Oleh itu disarankan “...melanjutkan kesabaran”. Walaupun begitu di samping sabar, sangat perlu mengambil langkah dan tindakan yang sesuai “...mesti mengkerban [mengorban] masa, tenaga dan wang ringgit kerana membela bangsa dan tanah ayer”. Persediaan amat perlu bagi memenuhi keperluan pada suatu hari kerajaan British memulangkan kemerdekaan kepada Sarawak. Jika diabaikan “...raayat bumiputera akan menerima kuasa balek seperti orang menerima tin kosong, dari kerana tanah2 perusahaan2 dan perniagaan semua-nya dipegang oleh orang bangsa asing”.⁷⁶ Sehubungan ini, Astana-Bintawa Angkatan Satu (ABAS), Kuching sedang mencari langkah dan cara-cara yang munasabah untuk dilakukan jika sekiranya Sarawak mencapai kemerdekaan. Dalam pada itu Setiausaha Agung ABAS menghantar makalah mengkritik kerana belum mendapat keputusan serta keterangan sebenar perjuangan untuk disiarkan dalam akhbar *Sarawak Tribune*, tetapi tidak disiarkan akhbar tersebut yang dirujuk sebagai “surat khabar badebah”.⁷⁷ Dalam tulisan ini tidak terdapat pernyataan yang menyebut tentang mengembalikan pentadbiran keluarga Brooke.

76 FO 141/12343, “CPS”, Dikarang oleh Johari Anang, “Bayangan fikiran dan pandangan Haji Abdul Rahman (Dikeluar dalam meshuarat Bahagian Siasat P.K.M.S. pada 22 February, 1949).

77 FO 141/12343, “CPS”, surat Setiausaha Agung Astana-Bintawa Angkatan Bersatu, Kuching kepada Awang Rambli, Setiausaha Agung dan Penasihat P.P.M., 3rd Division, Sibul, 29th March, 1949.

Sementara itu dalam perjuangan anti-serahan, dan menyokong keluarga Brooke sebagai pemerintah Sarawak jelas ternyata daripada catatan “Surat Wakil Muttallaq” bertarikh 17 Februari 1949, yang ditandatangan oleh seorang, dan sembilan cap jari Ketua Kampung, mewakili penduduk kampung masing-masing. Ketua kampung pula mewakili kepada Mohd. Nor bin Hassan sebagai juru cakap mereka. Surat tanpa tarikh mencatatkan:

Kami ketua2 bertanda tangan di-bawah ini sebagai Wakil peranak peranak Kampung yang tersebut di-bawah ini telah mengaku berwakil muttallaq kepada Mohd. Nor bin Hj. Hassan menjampaikan Suara Kami kerana menentang Serahan Negeri Sarawak yang tiada halal iti kepada Mahkota British.

Kami ketua2 dan peranak2 Kampong yang terma'lum itu meminta Duli Yang Maha Mulia Tuan Muda Betram Brooke Sarawak menjadi Raja Kami baharu hati kami semua senang.⁷⁸

Nama ketua, dan kampung adalah: Orang Kaya Srem, Kampung Gayuh; Tua Kampung Aayoun, Kampung Sirak; Tua Kampung Aagut, Kampung Depan; Tua Kampung Putak, Kampung Tebut; Tua Kampung Sembon, Kampung Subang; Tua Kampung Bu'on, Kampung Beguk; Tua Kampung Biyot, Kampung Psang; Tua Kampung Jain, Kampung Peraya; Tua Kampung Kilin, Kampung Chupak; Tua Kampung Diyon, Kampung Emban; dan Committee Dris, Kampung Tebut. Surat ini juga ditandatangani oleh Committee Munjan anak orang Gayuh; serta salinan kepada Raja Muda Sarawak, PKMS, dan PPMS.⁷⁹

Muhammad Nor bin Haji Hasan bergerak menerangkan tentang serahan kepada penduduk kampung, dan “...merisik otak fikiran...”. Pada 23 Februari 1949, beliau melawat kampung orang Dayak, dan bergerak lagi pada 25 Februari, pulang ke Kuching pada 2 Mac 1949. Kemudiannya pada 7 Mac 1949, bersama Johari Anang dan Bolhasan bin Tasip bergerak ke Kampung Baku untuk mendapatkan pandangan penduduk mengenai serahan.⁸⁰ Selain itu Muhammad Nor juga akan bergerak pada 12 Mac 1949, antara ke 38 buah kampung Dayak di darat, serta hulu Sarawak, dan akan kembali ke Kuching pada 18 Mac 1949.⁸¹

Johari bin Anang - Perjuangan anti-serahan dan Kemerdekaan

Sementara PKMS meneruskan kempen serta gerakan anti-penyerahan, dan berkembang menjadi 20 cawangan,⁸² Sibü menubuhkan pertubuhan sendiri dikenali sebagai PPM pada penghujung 1946. PPM juga mempunyai cawangan, dan beribu pejabat di Sibü, yang lebih dikenali sebagai PPMS. Antara matlamat utama perjuangan PPMS adalah meneruskan perjuangan anti-serahan yang dianjurkan oleh PKMS, dan kemudiannya berubah sebagai

78 FO 141/12343, “CPS”, Surat Wakil Muttallaq, 17th February 1949.

79 Ibid.

80 FO 141/12343, “CPS”, Muhammad Nor bin Hasan kepada saudara Awang Rambli, Setiausaha Agung P.P.M. Sibü, 9 Mac 1949.

81 Ibid.

82 Cawangan tersebut: Lundu, Seloland, Oya, Seria (negeri Brunei), Kabong, Saratok, Bintula, Sarikei, Sapaoh, Kuching, Miri, Belangian, Matu, Limbang, Betong, Baram, Rejang, Simanggang, Binatang, dan Lawas. FCO 141/12345, “Report on the Malay National Union and other Anti-Cession Organisations in Kuching”, S.B. Kuching, 13.1.50.

perjuangan kemerdekaan Sarawak. Perjuangan kemerdekaan PPMS dinyatakan dengan jelas melalui catatan pernyataan, “Merdika - Tetap Merdika”, “Merdika Melayu”, “Merdeka Rakyat Sarawak”, “Salam Seruan Kebangsaan Selamat Berjuang”, “MERDEKA!!!”, pada surat persendirian ahli atau surat rasmi PPMS.

PPM Watasan Tiga (Divisyen Tiga), beribu pejabat di Sibul, dikenali juga sebagai PPMS, diketuai Sirat Haji Yaman, sebagai Presiden; Awang Rambli sebagai Setiausaha Agung;⁸³ Muhammad Abet sebagai Bendahari, dan Abang Han sebagai Pustakawan. Ahli PPMS adalah pemuda Melayu dari lembah Sungai Rejang, Bahagian Ketiga Sarawak. Dianggar anggota PPMS berjumlah 30,000. Cawangan PPMS terdapat di Kanowit, Dalat, Maludam, Mukah dan Oya.⁸⁴

Perjuangan awal PPMS, sebelum berubah kepada perjuangan kemerdekaan Sarawak adalah sealiran dengan perjuangan PKMS. Dalam perjuangan anti-serahan itu PPMS berpendirian, resolusi serahan yang diputuskan Majlis Negeri (Council Negeri) pada Mei 1946 tanpa pengetahuan dan bercanggah dengan kehendak murni mereka. Dalam perjuangan pula, PPMS besar berharap kerajaan British dengan bermurah hati menyiasat kembali kenapakah penduduk Sarawak berlanjutan mencabar keabsahan serahan sejak resolusi diluluskan Majlis Negeri Mei 1946, dan sama ada perjuangan penduduk Sarawak itu tidak berpelembagaan, atau haram (*unlawful*)? Walaupun begitu perjuangan PPMS berpengang prinsip menghormati Piagam Atlantik (*Atlantic Charter*),⁸⁵ menceraip Perjanjian termeterai di antara Kerajaan British dengan Kerajaan Sarawak 1888,⁸⁶ dan juga menceraip Wasiat Politik (*Political Will*)

83 Ketika ini Awang Rambli berusia 34. Nordi Achie, “Cinta, Perjuangan dan Air Mata Pengorbanan: Mengerlingi Kebenaran Dalam Lipatan Sejarah Sarawak, 1946-1950”, hlm. 226.

84 Sanib Said, *Politik Melayu di Sarawak 1946-1966: Bersatu ke Mercu Kuasa*, Kuching: InfoGrafik Press Sdn. Bhd., 2015, hlm. 84.

85 Piagam Atlantik ditandatangani oleh Presiden Amerika Syarikat dan Perdana Menteri Great Britain Winston Churchill, mewakili Kerajaan Baginda Raja dalam United Kingdom, pada 14 Ogos 1941. Kedua-dua negara percaya adalah wajar dimaklumkan prinsip bersama dasar kebangsaan negara mereka berlandaskan kebaikan masa hadapan untuk dunia. Terdapat Sembilan butiran dalam Piagam ini. Antaranya: tiada penambahan kuasa dan kawasan; tiada perubahan wilayah tanpa pernyataan izin penduduk berkaitan; menghormati hak penduduk memilih bentuk kerajaan yang mereka ingin hidup, serta hak kedaulatan dan pemulihan berkerajaan sendiri yang dinafikan.

86 Perjanjian ini ditandatangani dan cap Charles Brooke, Raja Sarawak dan Lord Salisbury, bagi pihak Kerajaan Baginda Raja pada 5 September 1888. Antara yang penting ialah “Article i, The State of Sarawak shall continue to be governed and administered by the said Rajah Brooke under the protection of Great Britain; but such protection shall confer no right on Her Majesty’s Government to interfere with the internal administration of that State further than is herein provided. Article ii, In case any question should hereafter arise respecting the right of succession to the present or any future Ruler of Sarawak, such question shall be referred to Her Majesty’s Government for decision. Article iii, The relations between the State of Sarawak and all foreign States, including the States of Brunei and North Borneo, shall be conducted by Her Majesty’s Government or in accordance with its directions; and if any difference should arise between the Government of Sarawak and that of any other State, the Government of Sarawak agrees to abide by the decision of Her Majesty’s Government, and to take all necessary measures to give effect thereto. Article vi, No cession or alienation of any part of the territory of the State of Sarawak shall be made by the Rajah or his successors to any foreign State, or the subjects or citizens thereof, without the consent of Her Majesty’s Government; but this restriction shall not apply to ordinary for purposes of residence, agriculture, commerce, or other business”. A.J. Stockwell, L.R. Wright (eds), *A Collection of Treaties and Other Documents Affecting the States of Malaysia 1791-1963*, Volume II, hlm. 611-612. “Fasal Yang Pertama (Sarawak akan menjadi sebuah negeri naungan yang merdeka) Negeri Sarawak akan terus diperintah dan ditadbirkan oleh Raja Brooke yang tersebut serta keturunannya sebagai sebuah negeri yang merdeka di bawah naungan Great Britain tetapi naungan yang demikian itu tidaklah memberi hak kepada Kerajaan Duli Yang Maha Mulia Queen mencampuri halebwal pertadbiran dalam negeri itu melebihi daripada hak yang diberi kepadanya seperti yang disebutkan di sini. Fasal Yang Kedua (Masalah pengganti) Sekiranya terbit sesuatu masalah dalam masa yang akan datang kelak berkenaan hak menggantikan Raja Sarawak yang sekarang ini atau sebarang Raja

Raja Charles Vyner Brooke 1913.⁸⁷ Seterusnya perjuangan PPMS akan berterusan menentang serahan haram Sarawak, dan tidak akan mengiktirafnya sehingga kemerdekaan Sarawak dikembalikan dengan pelantikan Anthony Brooke atau Kapten Betram Brooke sebagai Raja Sarawak.⁸⁸

Pada 1 Julai 1947, perarakan besar-besaran juga diadakan di Sibu sempena satu tahun gerakan anti-serahan, antaranya yang memimpin ialah Bujang Suniong. Walaupun mereka dari Miri tidak menyertai perarakan ini, tetapi dinyatakan "...roh dan semangat..." tetap bersama Bujang Suniong. Bujang Suniong dibakar semangat, dan diingatkan berjuang "...sampai mati jangan undur barang setapak", dan "...sebaik-baik kaum tua ingat !!! jangan jadi orang tua kutuk".⁸⁹

Setelah kira-kira dua tahun berjuang, sejak 1946, hasilnya masih kabur. Anthony Brooke dihalang kerajaan British memasuki Sarawak kerana dikhuari akan mencetuskan huru hara jika sekiranya dibenarkan kembali di Sarawak. Begitu juga soal sama ada serahan Sarawak itu sah atau sebalik belum mendapat keputusan daripada kerajaan baginda raja. Perkembangan ini menimbulkan tidak puas hati, dan kecurigaan dalam kalangan ahli PPMS.

Sarawak pada masa akan datang maka masalah itu akan diminta keputusan kepada Duli Yang Maha Mulia Queen. Fasal Yang Ketiga (Perhubungan dengan negeri luar) Perhubungan-perhubungan di antara negeri Sarawak dengan segala negeri-negeri luar termasuk negeri-negeri Brunei dan Borneo Utara akan diuruskan oleh Kerajaan Duli Yang Maha Mulia Queen atau pun dengan mengikut petunjuk arahan dan jika berbangkit sesuatu perselisihan di antara Kerajaan Sarawak dengan sesebuah negeri yang lain maka Kerajaan Sarawak bersetuju keputusan pihak Kerajaan Yang Maha Mulia Queen dan akan mengambil segala langkah-langkah yang mustahak bagi menyempurnakan. Fasal Yang Keenam (Perubahan kawasan negeri) Tidak boleh sekali-kali dibuat penyerahan ataupun melakukan lain-lain perubahan di atas sebarang bahagian dalam kawasan negeri Sarawak oleh Raja Brooke ataupun pengganti-penggantinya kepada sebarang negeri luar atau pada rakyat-rakyat atau kepada anak negeri luar dengan tidak mendapat persetujuan pihak Duli Yang Maha Mulia Queen, tetapi sekatan ini tidaklah mengenai kurniaan yang biasa atau pemajakan tanah-tanah atau rumah-rumah kepada seseorang bagi kegunaan membuat tempat-tempat kediaman, bercucuk tanam, berniaga dan lain-lain urusan. Disahkan dengan tangan dan mohor saya bertarikh 14 haribulan Jun tahun 1888. Mohor... (tanda tangan) C. Brooke, Raja. Mohor... (tanda tangan) Salisbury. 5 September 1888". Anthony Brooke, *Perihal Sarawak yang Sebenar*, hlm. 18-19.

87 Wasiat terakhir Raja Sarawak, Charles Brooke, ditandatangani dan cap mohor pada 16 September 1913. Pelbagai perkara mengenai politik dan pentadbiran, ekonomi serta sosial terkandung dalam wasiat ini, tetapi Mohd. Sirat menyebut sebagai *Political Will*. Wasiat ini membatalkan Wasiat 1903, dan antara lain mencatatkan wasiat ini sebagai "...wasiat saya yang akhir berkenaan negeri Sarawak serta pengganti saya menaiki kerajaan negeri". Seterusnya dicatatkan "Saya sangat-sangat berharap dan berkehendakkan supaya pengganti-pengganti saya menjaga Raja akan menjalankan daya upaya untuk menninggikan darjah kemuliaan Raja Sarawak..."; dan "...menumpukan dirinya kepada kewajipan-kewajipan yang berkenaan dengan kerajaan, hendaklah dia berunding dan memakai fikiran saudara-saudara lelakinya serta kerabat-kerabatnya yang lain dan pegawai-pegawai negeri yang taat setia membantu dan menolong dia dalam pekerjaan..."; jika pengganti tidak "...bersedia hidup dan menjalankan perintah seperti yang telah disebutkan di atas itu maka saya lebih gemar bendera Sarawak itu diturunkan buat selama-lamanya dan zaman Raja-raja Peranakan British di Sarawak ditamatkan."; "...hendaklah mensifatkan dirinya sebagai hamba..."; "...hak ketuaan saya di Sarawak dan segala hak-hak serta keutamaan-keutamaan yang ada pada saya selama ini bagi dipunyai yaitu mengikut... kepada anak lelaki saya yang sulung Vyner dan anak-anak lelakinya dan selepas itu kepada anak lelaki saya yang kedua Betram serta anak-anak lelaki kepadanya..."; dan "...apabila saya meninggal dunia dan apabila pengganti saya diisytiharkan menjadi Raja maka anak lelaki saya yang kedua hendaklah diberi gelaran Tuan Besar oleh Mahkamah Tinggi Sarawak...". Anthony Brooke, *Perihal Sarawak yang Sebenar*, hlm. 20-26.

88 FCO 141/12342, Mohd. Sirat, The General President PPM H/Q, Third Division, Awang Rambli, The General Secretary PPM H/Q, Third Division, kepada The Minister of State for Colonial Affairs, at Kuching, 8th March, 1948. Salinan kepada: The British Prime Minister, London. The Secretary of State for Colonies, London. The H.E. Governor General Malaya. The H.E. Governor of Sarawak. The H.H. Bertram Brooke (Tuan Muda) London. The H.H. Mr. Anthony Brooke (Raja Muda) Singapore. The Hon'ble Chief Secretary, Sarawak, Kuching. The Hon'ble Resident Third Division.

89 FCO 141/12343, "CPS", Shamsudin Haji Mahmud, Kampung Wayarles Miri kepada Bujang, Sibu, 15/7/47.

Dengan itu pada 8 Mac 1948, Mohd. Sirat Haji Yaman selaku Presiden PPM Divisyen Tiga (Watasan Tiga), dan Awang Rambli sebagai Setiausaha Agung menulis surat kepada Listowel, Menteri Negeri Hal ehwal Kolonial di Kuching menyatakan pendirian perjuangan PPMS. Dalam surat itu dinyatakan mewakili anti-serahan Bahagian Tiga: Belaga, Kapit, Song, Kanowit, Binatang, Sarikei, Rejang, Matu, Saie (Daro), Tg. Sirek, dan Sibu, PPM Watasan Tiga menolak serahan Sarawak sebagai jajahan mahkota yang disifatkan sebagai tidak sah (*illegal*); mengembalikan kemerdekaan Sarawak dengan melantik Anthony Brooke atau Betram Brooke sebagai Raja Sarawak. Juga menuntut larangan terhadap Anthony Brooke memasuki Sarawak dibatalkan. PPMS menyatakan mereka tidak nampak sebarang alasan yang menyebabkan Great Britain mengambil masa panjang untuk mempertimbangkan perkara yang mereka menuntut itu.⁹⁰

Kegiatan kumpulan anti-serahan terus menerus berjalan. Sementara PPMS menulis surat bantahan serahan Sarawak pada 8 Mac 1948, PKMS pula pada hari sama menganjur tunjuk perasaan di Kuching. Matlamatnya bagi memaklumkan kepada Listowel perasaan anti-serahan di Kuching. Dalam proses menganjurkan demonstrasi ini, Johari Anang, Setiausaha Agung PKMS menulis surat memohon kebenaran kepada Pengerusi Lembaga Perbandaran Kuching, salinan kepada Penguasa Sektor Konstabulari Kuching memohon kebenaran mengadakan tunjuk perasaan pada 8 atau 9 Mac 1948. Dalam rancangan tersebut, penunjuk perasaan akan melalui Haji Taha Road, Jalan Haji Mohamed Kassim, Datu Road, Market Street, Gambier Road, Pearl Street, K. Hun Yeang Street, Gertak Street, dan Mosque Road. Kebenaran diluluskan pada 6 Mac 1948 oleh Pengerusi Lembaga Perbandaran Kuching dengan syarat, tidak bising, huru hara, atau mengganggu keamanan.

Pada pagi 8 Mac 1948, penganjur sibuk menggalakkan penduduk kampung, lelaki, wanita, dan kanak-kanak memacac poster dan mengibarkan bendera Sarawak di kawasan luar rumah masing-masing, dan menyertai perarakan pada waktu tengah hari. Penganjur ialah Haji Zaini, Haji Abdul Rahman, Haji Busrah, Aikhwan Zaini, Sarkawi Othman, Haji Su'ut, Haji BolHassan, Johari Bojeng, Abang Sepuan, Julai bin Yahya, Abdillah Bohari, Haji Ahmad Zaidell, Haji Sebli, Edham bin Bojeng, Mohamed Nor, Johari bin Anang, Othman Zainuddin, Lily Eberwein, Tua Kampung Suheili dari Santubong, BolHassan bin Tasip, Abang Zawawi, dan Samat bin Haji Fadel.

Awal tengah hari penduduk kampung anti-serahan pelbagai pertubuhan, seperti PKMS, ASAS, dan Barisan Pemuda Sarawak berhimpun di bandar untuk perarakan. Jumlah besar mereka membawa poster dan sepanduk yang ditulis pelbagai slogan: "We want British Protection not colonization", "We want independence of Sarawak to be restored", "Respect Atlantic Charter", "Sarawak Independence must be restored", "Anthony Brooke is our beloved Rajah", "We want Anthony Brooke return to Sarawak", "We want H.H. Rajah Muda return to Sarawak", "We want the banning on Rajah Muda to be lifted", "Sarawak Cession is illegal", "Sarawak Cession must be revoked", "We appeal to H.M. the King to revoke Sarawak Cession", "Sarawak Cession is illegal must be revoked", "We want independence under Anthony Brooke Rule", "We do not agree Sarawak Cession", "Long live the Rajah Muda", "Long live our independence", "Sarawak belong to native", "We want justice and Brooke Rule", "Sarawak is our heritage, it must not be sold to the King", "We want the ban

90 FCO 141/12342, Mohd. Sirat, The General President PPM H/Q Third Division, Awang Rambli The General Secretary PPM H/Q Third Division kepada Lord Listowel, The Minister of State for Colony, at Kuching, Sibu, 8th March, 1948.

of Rajah Muda to be lifted”, “Sarawak independence must be restored”, dan “Very funny! other countries have their independence, why not Sarawak?”.⁹¹

Perarakan ini bermula dari Darul Kurnia, kediaman Datu Patinggi Abang Haji Abdillah, melalui Haji Taha Road; mengetuai perarakan ini, pancaragam Kampung No. 2, diikuti oleh kira-kira 20 lelaki membawa bendera besar Sarawak dan mengibar poster anti-serahan. Seterusnya diikuti sebahagian besar wanita dan kanak-kanak perempuan mengibarkan bendera kecil Sarawak. Kemudiannya kumpulan terdiri daripada lelaki, wanita dan kanak-kanak mewakili pelbagai kampung menyertai perarakan. Kadar penglibatan wanita dan kanak-kanak kira-kira 75 peratus. Dalam pada itu, ketika perarakan tiba separuh jalan, kumpulan pancaragam Kampung Gersik pula menyumbang muzik. Ketika tiba di simpang Jalan Haji Mohamed Kassim, perarakan ini bertambah besar, disertai oleh kumpulan dari pesisir sungai, dan Kampung Simpang Tiga. Ketika perarakan ini melepasi Balai Polis Kuching, jumlah menyertai perarakan dianggarkan 3,000 orang. Dalam usaha menjamin perarakan teratur dan mengikut disiplin, perarakan ini dipantau oleh Haji Su’ut, Haji Mohamed Nor dan Samat (bekas guru). Selain itu perarakan ini juga disertai kakitangan kerajaan. Antara yang dikenal pasti: Ebon bin Haji Drahman (Pengawal Makanan), Mat bin Manap (Jabatan Kesihatan), dan Gulai bin Yahya (Jabatan Banci). Selain itu, juga ikut serta dalam perarakan: Tua Kampung – Haji Gobel, Kampung No. 6; Tua Kampung Tuanku Mohamed, Kampung Tanjung; Tua Kampung Salleh, Muara Tebas; Tua Kampung Suhaili, Santubong. Perarakan ini berjalan lancar, teratur, tanpa pekikan atau menyanyikan slogan. Perarakan ini bersurai di simpang Datu Road dan Mosque Road. Mereka pulang ke kampung masing-masing. Tidak ada ucapan dan mesyuarat oleh penganjur.⁹²

Sementara pelbagai isu berbangkit mengenai serahan di Sarawak, setelah menjangkau kira-kira tiga tahun, sejak 1946 hingga 1948, golongan anti-serahan menuntut kerajaan baginda raja membatalkan serahan; mengembalikan kemerdekaan Sarawak di bawah pentadbiran Raja Brooke mendapat sokongan Raja Muda Anthony Brooke dan Tuan Muda Betram Brooke tidak menampakkan sebarang tanda kejayaan. Dengan itu Anthony Brooke dan Betram Brooke mengubah taktik perjuangan, membawa kes serahan ke mahkamah. Sehubungan itu pada 14 Julai 1948, Anthony Brooke dan Betram Brooke melalui peguam, L.P. Harris daripada Drew dan Napier Singapura membawa kes serahan di Mahkamah Residen Brunei. Dalam dakwaan ini Anthony Brooke dan Kapten Betram Brooke menolak keabsahan serahan kedaulatan Sarawak pada 21 Mei 1946 kepada kerajaan baginda raja oleh Raja Sarawak Charles Vyner Brooke. Dakwaan menyatakan Sir Charles Vyner Brooke tidak ada hak undang-undang menyerahkan negeri Sarawak, dan dengan itu pengilhakan oleh Britain adalah tidak sah. Brunei dipilih sebagai tempat perbicaraan kerana berkaitan dengan soal kedaulatan. Kedaulatan Sarawak berasal dari Brunei kerana kewujudan sebagai negeri bermula dengan serahan surat ikatan Sultan Brunei kepada James Brooke pada 1846. Namun begitu *The Straits Times*, 15 Julai 1948 mencatatkan sebarang rayuan akhir akan dibuat langsung kepada *Privy Council*.⁹³

91 Catatan slogan ini didasarkan kepada “List of posters carried complete with the various slogans”, FCO 141/12329, Report on Anti-Cession Procession held in Kuching on 8th March, 1948, Officer Supt: Kuching Cnst. Sector, Kuching, 10.3.48.

92 FCO 141/12329, Report on Anti-Cession Procession held in Kuching on 8th March, 1948, Officer Supt: Kuching Cnst. Sector, Kuching, 10.3.48.

93 FCO 141/12425, Reprinted from *The Straits Times*, 15.7.48.

Pada 7 Mac 1949, bersama Johari Anang dan Bolhasan bin Tasip bergerak ke Kampung Baku untuk mendapatkan pandangan penduduk mengenai serahan.⁹⁴ Oleh kerana soal serahan tidak selesai, kes ini dibawa pula ke *Privy Council*. Pada sidang *Privy Council* di Bilik Lembaga White Hall pada Isnin 23 Mei 1949, Brooke lawan Brooke, dihadiri Lord Oaksey, Lord Reid dan Sir John Beaumont; Sir David Maxwell Fyfe, K.C. dan Theodore S. Page, dilantik oleh William Charles Crocker mewakili Plantif. Sidang ini berakhir dengan Lord Oaksey menyatakan kes ini boleh membuat rayuan.⁹⁵

Apa yang jelas, kerajaan baginda raja tidak melayan segala tuntutan kumpulan anti-serahan. Jawapan kerajaan baginda raja melalui pejabat kolonial London tidak memuaskan hati kumpulan anti-serahan. Oleh itu mereka terus mendesak kerajaan baginda raja bertindak sebagaimana tuntutan mereka. Pada 16 Jun 1949, PKMS menulis surat kepada Pegawai Pentadbiran Kuching supaya memanjangkan hasrat serta tuntutan kumpulan anti-serahan kepada yang bertanggungjawab di London. Mereka menyatakan cara perjuangan adalah berlandaskan undang-undang. Bantahan adalah terhadap langkah Raja Sarawak Charles Vyner Brooke menyerahkan Sarawak kepada kerajaan baginda raja. Bantahan ini pula ditunjukkan melalui tunjuk perasaan, dan poster yang dipamerkan dalam demonstrasi itu. Rakyat Sarawak cintakan keamanan, ketenteraman, dan tidak ada perasaan anti-British. Mereka menuntut dasar yang dijalankan di Sarawak ini "...di-ubahkan ia-itu memberi kembali kemerdekaan dan tahta Kerajaan Sarawak".⁹⁶ Pada 23 Jun 1949, R.G. Aikman, pemangku ketua setiausaha di atas arahan Yang Terutama Tuan Pentadbiran Kerajaan menjawab surat PKMS. Dalam surat jawapannya, dinyatakan:

...surat tuan bertarikh 16 June ada-lah di-terima. dan berdukachita karna tidak-lah ada apa2 yang akan di-tambah pada segala jawapan2 yang telah lalu berkenaan dengan perkara itu, ada-nya.⁹⁷

PKMS sangat sedar, sah atau tidak sah serahan Sarawak sebagai jajahan mahkota adalah perkara mahkamah. Namun begitu dalam kalangan PKMS berpendapat dengan adanya tuduhan serahan itu sebagai tidak sah (haram), membolehkan kerajaan British membawa penyelesaian soal Sarawak dalam *Privy Council*.⁹⁸

Kemudiannya pada 12 November 1949, PPMS menulis surat bertandatangan Mohd. Sirat bin Haji Yaman, Presiden Agung (*General President*) P.P.M. Divisyen Tiga, dan Awang Rambli, Setiausaha Agung Kehormat P.P.M. Divisen Tiga, serta cap Pergerakan Pemuda Melayu Sarawak, P.P.M. Ibu Pejabat Sibul kepada Gabenor Sarawak Duncan George Stewart. Dalam surat ini dinyatakan perjuangan PPM tidak berubah, anti-serahan, terus menuntut dikembalikan kemerdekaan Sarawak, serahan adalah tidak sah, dan menuntut kerajaan baginda

94 FO 141/12343, "CPS", Muhammad Nor bin Hasan kepada saudara Awang Rambli, Setiausaha Agung P.P.M. Sibul, 9 Mac 1949.

95 FCO 141/12440, Cession Case in Courts of Brunei (diringkaskan sebagai FCO 141/12440, "CCCB", Secretary to High Commissioner Brunei kepada Residen Brunei, 2Mac 1950, twrlampir "On Appeal from the Court of the Judge of Appeal in the State of Brunei", Bilik Lembaga, Whitehall, Isnin 23 Mei 1949.

96 FCO 141/12329, Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak kepada Pegawai Pentadbiran Kuching, Sarawak, 16th June, 1949.

97 FCO 141/12329, R.G. Aikman, pemangku Ketua Setiausaha kepada Tuan Ketua, Persatuan Melayu Sarawak, 23 Jun 1949.

98 FCO 141/12329, Naib Yang Dipertua Persatuan Melayu Sarawak [Haji Abd. Rahman Haji Kassim] kepada Setia Usaha Sulit kepada Tuan Yang Terutama, Kuching, Sarawak, Astana, Kuching, 22nd July 1949.

raja melepaskan sekatan masuk Sarawak terhadap Raja Muda Anthony Brooke. Dalam hal ini, surat itu menyebut:

...perasaan kami sekarang adalah maseh ber-tegap dan tiada ber-ubah yang mana perasaan2 kami itu ber-tambah2 kekuatan yang minta balek kan ka-merdikaan Sarawak dengan lekas-nya, yang mana di-sipat kan penerimaan kerajaan British itu tiada sah (illegal) dan juga kami maseh menunggu kaadilan Kerajaan British itu juga membuka kan larangan kemasokan H.H. Raja Muda (Mr. Anthony Brooke) itu ka-Sarawak.

...surat kami ini ia lah memberi per-ingatan supaya Tuanyang amatber-hormat tiada terpedaya, perdirian Rayat bumi putra ada lah tetap dan tegap "Anti Cession".⁹⁹

Seterusnya pada 14 November 1949, PKMS pula menulis surat bantahan kepada Gabenor Sarawak Duncan George Stewart. Dalam surat tersebut Abang Haji Zaini, Yang Dipertua Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak menyatakan:

...kita bagi pehak Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak dengan sukongan semua pertubohan2 dan pergerakan2 Raayat Bumiputera di-seluruh Sarawak yang mengambil bahagian dalam siasah Tanahayer mereka adalah dgn hormatnya memaklumkan bahwa Raayat Sarawak tidak sama sekali meng'etirafkan sah nya Kerajaan Sarawak yang ada sekarang, kerana terujudnya Kerajaan itu ialah atas keputusan Penyerahan dalam Council Negri yang telah ditentangkan oleh sebahagian yang lebeh besar dari undi suara Raayat Sarawak sendiri dalam sidang Council Negri yang termaalum.

Selain daripada itu, kita dengan hrmatnya mempersilakan Tuan Yang Amat Berhormat kepada chatetan2 bagi Penyerahan Sarawak yang telah dijalankan dengan "wang suap", pengaruh dan ugutan dengan chara putar belit yang tidak bersesuaian dengan dasar democracy dan siasah di-zaman sekarang. Maka Penyerahan yang yang diteruskan dengan chara2 yang demikian-lah diterima Kerajaan British. Perbuatan ini amatlah burok pada mata Raayat Sarawak, Raayat British dan penduduk2 dunia amnya.

Sunggohpun perbuatan yang burok itu telah berlaku, tetapi Raayat Sarawak penoh perchaya bahwa Kerajaan British akan segera memperbaiki kesalahan itu, supaya Raayat berpuas hati, ialah dengan memulehkan kemerdekaan Sarawak di bawah perintah Kerajaan Brooke dan Rajanya yang dipilehkan oleh Raayat sendiri di bawah naongan Kerajaan British.¹⁰⁰

Kedua-dua surat daripada Yang Dipertua Agung dan Setiausaha Agung PPM, Ibu Pejabat Sibn dan Yang Dipertua PKMS telah diterima oleh Gabenor Duncan George Stewart, dan diserahkan kepada C.W. Dawson untuk menjawab. Dalam jawapan kepada suarat Yang Dipertua PPMS bertarikh 18 November 1949, dan kepada Yang Dipertua PKMS juga bertarikh C.W. Dawson menyatakan:

99 FCO 141/12329, Mohd. Sirat bin Hj. Yaman, General President P.P.M. 3rd Division, Awang Rambli, Hon: General Secretary, P.P.M. 3rd Div., 12th November, 1948.

100 FCO 141/12329, Abang Haji Zaini, Yang Dipertua Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak kepada Tuan Duncan George Stewart, C.M.G., ASTANA, Kuching, 14 November 1949.

2. Maka saya ma'alumkan kepada tuan bahawa Kerajaan ini tidaklah bersetuju dengan tengkaran tuan ia-itu Perserahan Negeri Sarawak itu haram.
3. Saya pula di-perintah pada menyatakan dengan tetap-nya ia-itu kerajaan Seri Baginda dan jua Kerajaan Sarawak tidak-lah berchita akan menimbang soal tentang membatalkan Perserahan Negeri Sarawak kepada Kerajaan Seri Baginda oleh Yang Maha Mulia Tuan Raja Sarawak itu, ada-nya.¹⁰¹

Dalam kalangan ahli PPM Watan Tiga, Awang Rambli mendapat penghormatan dan sanjungan daripada ahli. Penghormatan ini bukan sahaja sebagai Setiausaha Agung PPMS, tetapi kejayaan beliau dan Abang Han dalam perbicaraan di mahkamah Kuching. Pada Ogos 1948, Awang Rambli dan Abang Han didapati bersalah oleh mahkamah Sibul di atas tuduhan bersubahat menggalakkan perhimpunan haram di Sibul. Namun begitu keputusan mahkamah Sibul ini ditolak dalam ulang bicara yang berlangsung di Mahkamah Tinggi (*Supreme Court*) Kuching.¹⁰² Sehubung itu pada 28 Ogos 1948, dalam suratnya kepada Awang Rambli, Muhammad Nur bin Haji Haji Hasan menyanjungi Awang Rambli sebagai pemimpin dan mengharapkan tidak sebagai penyibuk, gila pangkat, dan kacau di sana-sini. Dalam pada itu mengharapkan Awang Rambli memaklumkan kepada PPM di Watan Ketiga supaya berhati-hati "...jangan pisang berbuah dua kali – jangan percaya mulut manis, tetapi ...!! hati b. n. t. g. [tulisan jawi ba, nun, ta, nga]". Segala perkara ini dibangkitkan oleh Muhammad Nur bin Haji Hasan sebagai menghimbau kembali tentang pengalaman Awang Rambli "...terkena tahan di dalam rumah jil..."¹⁰³ Kemudiannya pada 13 September 1948, PPMS menganjurkan tunjuk perasaan ketika pegawai British tiba di Sibul. Kerajaan bertindak balas, Awang Rambli dan Abang Han ditangkap. Kedua-duanya didapati bersalah, dan dipenjarakan selama dua bulan.¹⁰⁴

Perjuangan PPMS sentiasa menyeru dan menyemarakkan perjuangan dalam kalangan ahli PPM Watan Ketiga. Perkara yang seringkali dibangkitkan menyeru wanita dan lelaki menganjur seruan "...semangat perjuangan kemerdekaan negara dan kemajuan bangsa". Dalam usaha menyebarkan semangat perjuangan ini persatuan Melayu mengeluarkan pengisytiharan "...fasal rakyat mesti berjuang terus kerana menuntut kembali kemerdekaan tanah airnya". Seterusnya menyatakan "...bangsa Melayu sedang di dalam keadaan mundur atas serba serbi", hak Melayu terlucut, kuasa Melayu yang hampir semuanya di tangan

101 FCO 141/12329, C.W. Dawson, Chief Secretary kepada Yang Di-Pertua, Pergerakan Pemuda Melayu, Sibul, 18th November 1949; C.W. Dawson, Chief Secretary kepada Yang Di-pertua, Persatuan Melayu Sarawak, KUCHING, 18th November 1949. DRAFT letter to President, P.K.M.S., Kuching, "I am to inform you that this Government cannot agree with your contention that the Cession of Sarawak is illegal. I am further directed to make it quite clear that neither His Majesty's Government nor the Government of Sarawak are prepared to consider the question of the revocation of the Cession of Sarawak by His Highness the Rajah of Sarawak to His Majesty's Government". FCO 131/12329, Draft Chief Secretary kepada President, P.K.M.S., Kuching.

102 Bob Reece, *Datu Bandar: Abang Hj. Mustapha of Sarawak*, hlm. 111. Awang Rambli Berjaya memenangi perbicaraan dalam Mahkamah Kuching. Beliau juga berjaya membebaskan Bennett Jarraw, pegawai bumiputera daripada tuduhan pecah amanah dalam perbicaraan di *First Circuit Court* Sibul. Nordi Archie, "Cinta, Perjuangan dan Air Mata Pegorbanan: Mengerlingi Kebenaran Dalam Lipatan Sejarah Sarawak, 1946-1950", hlm. 225.

103 FO 141/12343, "CPS", Muhammad Nur bin Haji Hasan, Kuching, Sarawak kepada Yang Mulia Saudara Kita Awang Rambli, penganjur di Bahagian Yang Ketiga, P.P.M. Sibul, 28.8.49.

104 Jeniri Amir, *DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA: Pejuang Kemerdekaan Sarawak dalam Malaysia*, hlm. 108.

orang puteh. Oleh itu Melayu digesa berkerjasama memikirkan, dan mencari ikhtiar untuk menggerak serta memajukan bangsa Melayu.¹⁰⁵ Langkah lain juga diambil, PPMS menghantar dua wakilnya, Mohd. Kipli bin J.K. Hj. Osman dan M. Jambek bin Adun menerang dan menjelas perjuangan PPM dalam perhimpunan di pejabat K.K.M.M., Matu.¹⁰⁶

PPMS, khususnya khususnya, Awang Rambli seringkali dirujuk, antaranya mengenai perjuangan Melayu. Pada 6 Disember 1948, sepucuk surat beralamat 68, Rangoon Road, Singapura memaklum kepada Awang Rambli beliau ada mengirim surat kepada PKMS bertarikh 15 Februari 1948, "...meminta mereka itu mendawa mendakwa] Dato2 yang menyerahkan negeri [Sarawak]...", dan meminta pandangan Awang Rambli mengenai perkara tersebut.¹⁰⁷ Selain itu dalam penjelasan kepada Mohd Idris K.K.M.M. Matu, Awang Rambli menyatakan dalam suratnya bertarikh 20 Ogos 1948, dakwaan penjahat terhadapnya adalah "...semua2 bohong – saya ada tegap berdiri seperti selama dengan Semangat Kebangsaan Merdika".¹⁰⁸ Pada 21 Disember 1948, Haji Muhammad Su' aut, Kampung Masjid, Kuching meminta maklumat serta penjelasan tentang sebuah pertubuhan, B.P.S. akan ditubuhkan di Sibü. Dalam surat itu dinyatakan beliau bimbang pertubuhan itu tidak sehaluan dengan perjuangan.¹⁰⁹

Dalam pergerakannya PPMS sentiasa mengambil perhatian, dan waspada terhadap rancangan dan langkah kerajaan Sarawak. Apabila kerajaan Sarawak meluluskan pelaksanaan pendaftaran kebangsaan (kad pengenalan – *identity card*), PPMS berpendapat adalah "... langkah yang akhir sekali untuk menenggelamkan suara rakyat yang anti-cessionist seluroh Sarawak." Dengan itu PPMS menyeru seluruh ahli sentiasa berjaga-jaga daripada pengaruh dan rancangan penjahat. Juga mengingatkan seluruh ahli menetapkan tujuan dan perasaan "...menuntut hak kemerdekaan nusa dan bangsa". Sehubungan rancangan melaksanakan kad pengenalan itu, PPMS menganjur mesyuarat tergepar pada 21 Ogos 1949. Dalam mesyuarat ini PPMS tidak menolak pengenalan kad pengenalan, tetapi mendesak kerajaan Sarawak menukar perkataan "Colony of Sarawak" yang akan ditulis di atas kad pengenalan kepada "Sarawak Government". Juga mengingatkan ahli "...atas di-plomasi kerajaan British bagi menaaloki Sarawak". Seterusnya surat rayuan bantahan dikirim kepada kerajaan Sarawak melalui *Commisioner National Registration* di Kuching untuk mendapatkan penjelasan lanjut. Keputusan ini diedarkan kepada Persatuan Pemuda Melayu di kawasan (Bahagian) Ketiga. Keputusan yang dicapai dalam mesyuarat tergepar PPMS 21 Ogos 1949 adalah seperti berikut:

- (1) Keputusannya kami membanta keras atas nama "Colony of Sarawak" yang bertulis di atas identity baharu yang termaalom.
- (2) Surat rayuan perbantahan berkenaan itu telah dikirimkan kepada kerajaan menerusi kepada Commisioner National Registration di-Kuching pada minggu yang lepas sebagi menyiasat dengan minta katarangan yang penoh dari kerajaan.

105 FO 141/12343, "CPS", catatan pada sekeping kertas tulisan jawi, tanpa maklumat lanjut tentangnya.

106 FO 141/12343, "CPS", A. Masoddin Bussra Penolong Setiausaha ASAS Cawangan Matu kepada Awg Rambli, Setiausaha Agung P.P.M. Sibü, 8th Dec. 1948.

107 FO 141/12343, "CPS", tanda tangan kepada Saudara Awang Rambli, Setiausaha PPM Sibü, 6th Dec. 1948.

108 FO 141/12343, "CPS",

109 FO 141/12343, "CPS", Haji Muhammad Su' aut, Kampung Masjid Kuching kepada Saudara Awang Rambli, 21st December, 1948.

- (3) PPM di-semua2 Chawangan di-beri ingat dan berjaga2 atas dasar keselamatan ‘am bagi mengenal atas di-plomasi kerajaan British bagi menaaloki Sarawak.
- (4) Adalah yang di maksudkan bagi menerima sharat2 identity cara itu ada lah ranchangan nya seperti berikut:
 - (a) Colony of Sarawak yang tertulis di-atas identity card itu di-pinta ubah dengan nama memakai “Sarawak – Government”.
 - (b) Selain daripada yang di maksud itu seperti tersebut tidak di-kehandaki”.¹¹⁰

PPMS mengulas mengenai perkara kad pengenalan ini dalam tulisan berjudul “Ulasan Ber-Pass-Port”. Ulasan dimulai dengan pernyataan, pada Februari 1949, Raja Muda dan Abang Kassim mencadangkan diadakan undian bagi menentukan “...suara siapa banyak suka serahan dan tiada suka serahan”. Cadangan ini dibantah kerana kuasa adalah di tangan kerajaan, dan anti-serahan akan kalah. Kemudiannya membangkitkan soal “ber-Pass-Port”. Dalam hal ini PPMS menyatakan “Kerajaan menhadangkan urusan Pass-Port ini ialah satu undang2 darurat memaksakan rakyat Sarawak semua ber-pass-Port kerana supaya dapat mengenal yang menchuri masok yang sechara haram dan pegganas ke Sarawak”. Cadangan ini dinyatakan berniat mencampurkan dengan soal serahan. Namun begitu PPMS mengambil perhatian soal ini, dan menulis surat meminta kepastian daripada kerajaan, serta memberiakuan “...tiada berkenaan Serahan (cession)”.

Namun begitu jawapan penjelasan belum lagi didapati daripada kerajaan. Kelewatan jawapan ini, dipercayai kerajaan memikirkan tentang perlu bertindak cermat, serta berdiplomasi. Kemudian menyatakan apa boleh dilakukan, dan dicakapkan jika kerajaan menyatakan ada kaitan dengan serahan kerana kuasa di tangannya? Sementara itu bagi kerajaan pula bilangan besar rakyat Sarawak bersetuju dengan cadangan ini. Sehubung itu PPMS membangkitkan persoalan, “...adakah buleh membatalkan perkara Pass-Port itu seluruhnya”. Namun begitu jaminan diberikan, “P.P.M. sedang berusaha lagi menapisikan perkara ini dengan halusnyanya supaya terselamat adanya,” dan diakhiri dengan “Merdika Melayu”.¹¹¹ Dari sudut pandangan lain, Awang Rambli memaklumkan kepada anggota PPM Miri, sedar soal pass-port tidak ada kaitan dengan soal serahan. Namun begitu sengaja dibangkitkan sekadar “... mahu menggochangkan kerusi2 kerajaan”.¹¹²

Dalam meneruskan perjuangan anti-serahan, pada 18 Oktober 1948, PKMS menulis surat kepada Raja Muda, dan salinan antaranya kepada Barisan Pemuda Sarawak, Sarawak Dayak Association, Angkatan Semangat Anak negeri Sarawak, dan PPMS menyatakan tentang “Tiang memerangsangkan ra’yat2 yang berjuang”. PPMS membawa perkara ini ke dalam mesyuarat anggota tertinggi dan tadbir. Mesyuarat memutuskan memberi mandat kepada Setiausaha Agung menjawab, serta mengulas pendirian PPMS terhadap “Tiang” tersebut. Dengan itu Awang Rambli sebagai setiausaha agung menulis surat bertarikh 28 Oktober 1948 kepada Setiausaha Agung Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak di Kuching.

110 FO 141/12343, “CPS”, Surat edaran PPMS kepada semua Cawangan Pergerakan Pemuda Melayu Kawasan Yang Ketiga, 28.8.49

111 FO 141/12343, “CPS”, “Ulasan Ber-Pass-Port”.

112 FO 141/12343, “CPS”, Awang Rambli, Setiausaha Agung PPM Sibul kepada anggota PPM Kapit, 28.6.1949.

PPMS mempersoalkan langkah PKMS merancang “Tiang” hanya melibatkan beberapa buah pertubuhan sahaja. Padahal sebagaimana disetujui hendaklah muafakat dan berunding dengan 16 badan anti-serahan seluruh Sarawak. Seterusnya PPMS menyifatkan tindakan PKMS itu seakan-akan menjadikan penduduk luar bandar Kuching seperti “Kerbau di-Chuchok hidong” kepada penduduk pesisir. Dengan itu PPMS mengingatkan PKMS sewajarnya berunding terlebih dahulu seperti dijanjikan dengan badan anti-serahan lain, dan menyifatkan langkah anjuran PKMS adalah “...melanggarkan tali ikatan perjuangan ra’yat Sarawak”.¹¹³

Perjuangan PPMS lebih radikal berbanding PKMS. Antara matlamat PPMS adalah anti-serahan; dan dari sudut lain menyokong British, iaitu berhajat keluarga Brooke sebagai pemerintah Sarawak. Dalam pada itu PPMS juga mengambil perhatian terhadap kebajikan ahli, dan masyarakat setempat. Perjuangan PPMS bertambah radikal dengan penubuhan Rukun 13. 13 orang anggota PPMS mengadakan mesyuarat rahsia yang diketuai Awang Rambli dan Abang Han di rumah Dr. Majoribank, jalan Cross, Sibul pada pertengahan tahun 1948. Hasil mesyuarat inilah tertubuhnya Rukun 13, yang dianggotai oleh: Awang Rambli, Abang Han, Abang Ahmad, Rosli Dhoby, Abang Ahmad, Morni Junit, Awang Osman, Jack Yusof, Osman Dollah, Abang Mat Sirat, Che Alias Osman, Amin Jenal, Wan Zin, dan Tambek Adun. Mesyuarat rahsia ini juga memutuskan akan mencedera atau membunuh pegawai British. Mereka juga memutuskan akan mengambil tindakan sama terhadap pegawai yang berkerjasama serta menyokong British.¹¹⁴

Sementara itu Johari Anang dalam suratnya bertarikh 2 Oktober 1949 kepada (anakanda) Mohamad Zaini, mengingatkan PPM Mukah mengambil perhatian, “Perchakapan2 orang puteh sekarang jangan didengar sangat. Semuanya itu bohong dan propaganda saja. Rayat2 yang masok angin jadi keluar asap. Orang2 puteh ketawa didalam hati”. Juga menyatakan negeri Sarawak berada dalam keadaan huru hara, dan situasi ini tidak akan berlaku jika Raja Muda dibenarkan kembali ke Sarawak. Dalam pada itu Johari Anang mengharapkan PPM Mukah menghantar “talikawat” pada 8 Oktober 1949, untuk dibaca dalam upacara sambutan ulang tahun ke-10 PKMS yang akan berlangsung pada 10 Oktober 1949.¹¹⁵

Dalam perkembangan pentadbiran Sarawak sebagai jajahan mahkota, pucuk pimpinan berubah pada 1949, Duncan George Stewart¹¹⁶ dihantar ke Sarawak menggantikan Sir Charles Arden Clarke tamat, bertukar ke Afrika, sebagai Gabenor Ghana. Namun begitu tidak ada sebarang berita dari London, keputusan *Privy Council* mengenai kedudukan Sarawak yang diperjuangkan anti-serahan. Johari Anang menyifatkan perkara ini sebagai “Dukacita tidak ada angin bertiup dari Barat. Akan tetapi angin Timor ada macham2 rata”. Sementara itu khabar bertiup menyatakan gabenor baharu akan tiba di Sarawak pada Oktober 1949.

113 FO 141/12343, “CPS”, Awang Rambli, Setiausaha Agung PPMS, Sibul, kepada Setiausaha Agung Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak, 28 Oktober 1948.

114 Abdullah Zakaria bin Ghazali, *MALAYSIA 500 Khazanah Insan Aset Negara Jilid 5 Pahlawan Bangsa*, hlm. 157. Jeniri Amir mencatatkan “Rosli Doby sebenarnya bukan daripada kalangan 13 orang yang didakwa menjadi anggota Rukun Belas, tetapi dipengaruhi oleh Awang Rambli”. Jeniri Amir, *DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA: Pejuang Kemerdekaan Sarawak dalam Malaysia*, hlm. 108. Lihat juga Nordi Achie, *Rosli Dhoby dan Rukun 13*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2018, hlm. 3, menyatakan Rosli Dhoby bukan anggota Rukun 13.

115 FO 141/12343, “CPS”, Johari Anang kepada anakanda Mohamad Zaini, 2 Oktober 1949.

116 Duncan George Stewart dilahirkan pada 1904; lulus Oriel College, Cambridge, London, United Kingdom. Sebelum berkhidmat di Sarawak, Duncan George Stewart bertugas di Nigeria, Bahamas, Palestine sebagai Setiausaha Kewangan, dan Cyprus. Jeniri Amir, *DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA: Pejuang Kemerdekaan Sarawak dalam Malaysia*, hlm. 105; 113.

Ketibaannya akan disambut dengan bangkangan. Kerajaan Sarawak pula menjalankan kegiatan mempengaruhi rakyat menyokong serahan, dan dalam pada itu mengambil langkah untuk memadamkan perasaan anti-serahan (anti-*cession*). Di samping terdapat dalam kalangan anti-serahan “termakan pujukan, dan mereka disifatkan oleh Johari Anang sebagai “...kuching duduk di atas pagar”. Oleh kerana perkembangan ini, Johari Anang memohon Mohd. Sirat Haji Yaman mendapatkan pandangan Awang Rambli, “...apa akan kita buat?”.¹¹⁷

Kemudiannya Johari Anang menulis surat kepada saudara Sirat Haji Yaman bertarikh 28 Oktober 1949, menggunakan Merdeka!!! sebagai tajuk. Seterusnya mengulas kenapa beliau berbuat demikian? Ternyata penjelasan tersebut adalah pernyataan hati, serta perjuangannya setelah keciwa dengan ketiadaan keputusan yang ditunggu dari *Privy Council* London sejak perjuangan anti-serah pada 1946. Dengan keras dan kasar Johari Anang beliau memulakan Merdeka, kerana perasaannya tidak suka penjajah (*Colony*), dan mereka bersetuju bangsanya dijajah “...itulah “manusia binatang” (pandai makan, pandai berchakap, pandai beranak berbini dan pandai berpolitik)”. Seterusnya rasa kesal dicerminkan daripada pernyataannya yang menyebut terdapat mereka “...berebut2 nama, pangkat, pujian dan “gelaran”. Orang2 yang bagini berjuang bukan-nya kerana orang ramai yang sebetulnya, tetapi kerana sendirinya. Orang2 ramai dijadikan oleh-nya sabagai perkakas”. Walaupun berpandangan begitu, Johari Anang menyatakan dia “...tidak mengechilkan hati orang2 ini”. Selain itu keciwaan Johari Anang dapat dirujuk terhadap pernyataannya, “...Entah kena-apakah?” masih tidak ada keputusan *Privy Council* mengenai kedudukan Sarawak. Dalam hal ini beliau menyatakan fikirannya, adakah penyelesaian dibuat di luar Sarawak? atau “...Tuan Muda dan Raja Muda telah menerima “nasehat baik” dari Kerajaan British”. Jika ini situasinya, beliau menyoal pendirian golongan anti-serahan. Namun begitu beliau sendiri tetap berpegang dengan perjuangannya, dan menyatakan beliau berpegang kepada perpatih Melayu, “Biar puteh tulang tidak puteh mata”. Seterusnya diakhir suratnya, beliau menulis “Merdeka tetap merdeka”.¹¹⁸

Duncan George Stewart tiba di Sarawak pada 14 November 1949, menjawat Gabenor Sarawak. Sebelum kehadiran Duncan George Stewart di Sarawak, PPMS menghantar surat bangkangan (protes) pada 10 November 1949 melalui wakilnya Md. Edham untuk diserahkan kepada Duncan George Stewart di Istana. Surat ini bertujuan menyatakan pendirian rakyat bumiputera sebelum beliau memegang jawatan gabenor. Rancangan dan langkah ini dimaklumkan kepada cawangan PPM di seluruh 3rd *Division* dalam surat bertarikh 10 November 1949.¹¹⁹ Apabila Duncan George Stewart tiba di Sarawak, penduduk Sarawak di seluruh kampung, teluk, dan tepi sungai, Kuching menyambut kehadiran Duncan George Stewart dengan sepanduk anti-serahan. Sementara itu PPMS juga ikut serta dalam protes tersebut, menyerahkan surat bangkangan melalui wakilnya, Md. Edham kepada Duncan George Stewart ketika berada di Astana Kuching. Surat ini ditulis oleh Awang Rambli, Setiausaha Agung PPMS. Namun begitu dalam penjelasan kerani Astana, surat tersebut dihantar melalui pos.¹²⁰

117 FO 141/12343, “CPS”, Johari Anang kepada saudara Mohd. Sirat Haji Yaman, Sibul, Sarawak, 19th October, 1949.

118 FO 141/12343, “CPS”, Johari Anang kepada Saudara Sirat H Yaman, Sibul, Sarawak, 25th October, 1949.

119 FO 141/12343, “CPS”, Awang Rambli, Setiausaha Agung PPM 3rd Division kepada Semua Cawangan PPM di seluruh 3rd Division Sibul, disyitiharkan oleh D. Rosli, Naib Setiausaha Agung PPM, Sibul, 10/11/49.

120 FCO 141/12345, Inspr. S.B. (Inspector Special Branch), 23.1.50.

Dalam pada itu surat Johari Anang kepada Mohd. Sirat Hj. Yaman bertarikh 10 November 1949, terus mempersoalkan golongan mementing pangkat dan gelaran. Beliau terus menyatakan kecurigaan, malah belum yakin, kerana Tuan Muda, Tuan Anthony Brooke, atau keluarga Brooke tidak lagi menjejaki kaki di bumi Sarawak. Apa yang jelas Duncan George Stewart akan tiba di Kuching pada 14 November 1949. Seterusnya berkias, ketika menyentuh tidak ada keputusan dari London tentang status Sarawak yang mereka perjuangkan. Dalam hal ini dinyatakan “Privy Council maseh didalam kandungan ibu. Oh barangkali anak itu sudah mati didalam perut, siapa tahu. Baik, katakan anak itu dzahir ke dunia, apa dapatkah sekarang kita menentu “jantan atau betina”? Saya sangat khuatir nasi jadi bubor”. Dalam hal ini, juga mempamerkan sikap Johari Anang, apabila beliau menyatakan, “Brooke datang bagus Brooke tidak dapat datang pun bagus”, dan seperti biasa mengakhiri suratnya dengan ungkapan “Merdeka. Tetap Merdeka”.¹²¹

Perkembangan ini dimaklumkan PPMS kepada semua cawangan PPM Bahagian Tiga, dalam sepucuk surat bertarikh 14 November 1949 yang ditandatangani Setiausaha Agung PPMS, Awang Rambli. Dalam surat ini ahli PPM dimaklumkan Duncan George Stewart akan datang ke Sibu, tetapi tarikh dan hari belum dapat dipastikan lagi. Namun begitu Awang Rambli menyeru rakyat Sarawak yang mempunyai hak negara mesti berdiri teguh dan azam dengan jalan “...membuat POSTER dengan mengunjamkan di-tempat masing [-masing] seperti biasa atau lebih daripada biasa..,” dan di bahagian akhir suratnya dicatatkan Merdeka – Tetap Merdeka. Juga pada surat tersebut dicatatkan PENGISTI HAR D. Rosli, Penolong Setiausaha PPM 3rd Division.¹²²

Duncan George Stewart menaiki kapal *Rajah Brooke*, dan tiba di Kuching pada 14 November 1949. Ketibaan beliau disambut pegawai dan penyokong kerajaan, serta sambutan protes kumpulan anti-serahan. Ketibaan dan sambutan ini digambarkan dalam sepucuk surat bertarikh 14 November 1949, yang dialamatkan kepada Awang Rambli, PPMS. Dalam surat tersebut dicatatkan; Duncan George Stewart tiba di Kuching pada Isnin 14 November 1949, pukul 8.30 pagi. Ahli *anti-cession* (anti-serahan) “...menunggu Governor itu di ayer kerana memasang poster2 ada yang pakei motor ada yang berperahu memegang poster2 berdiri diatas motor pada pagi itu serta chukup lengkap dengan bendira Sarawak dalam sampai di pangkalan batu Tuan Duncan G. Stewart di ? dengan Poster kiri kanan di ekot oleh motor2 anticession lain juga segenap tebing seberang semua nya di pasang, pada pagi itu Tuan CW Dawson menunggu Tuan DG Stewart di pangkalan astana, lalu lah naik, dan pukul 11 Beliau itu turun di Astana menerusi pangkalan batu, dan itu masa *Grand of Honour* oleh Sarawak Constabulary, habis itu lalu lah naik di office serta berchakap2 dan pula berchakap2 pihak orang colony, Melayu Datu Pahlawan, Dayak Edward Jerah, Tambi Abdul Hamid, Cina, Tan Qui Choon, orang puteh R.G. Aikman, habis itu Tuan CW Dowson pon menyerah kerjaan dengan Governor baharu, ..”¹²³

Setelah memeriksa barisan kehormatan ketika tiba di Pangkalan Batu, Duncan George Stewart yang diiringi T. St. J. Dilks, setiausaha peribadi, disambut pula oleh C.W. Dawson, Ketua Setiausaha menuju ke bangunan Mahkamah, dan disambut oleh barisan pandu puteri dan

121 FO 141/12343, “CPS”, Johari Anang, Kuching, Sarawak kepada saudara Mohd. Sirat Hj. Yaman, Sibu, Sarawak, 10th November 1949.

122 FO 141/12343, “CPS”, Awg. Rambli, Setiausaha Agung Kehormat PPM 3rd Division kepada Semua Cawangan PPM di 3rd Division Sibu, 14/11/49.

123 FO 141/12343, “CPS”, surat dari Kuching (hanya tandatangan) kepada Awang Rambli, P.P.M. Sibu, 14.11.49.

pengakap. Seterusnya Duncan George Stewart duduk di pentas bersama C.W. Dowson, T. St. J. Dilks, R.V. Hedges Ketua Hakim, ahli Majlis Tertinggi, dan R.W. Large Pemangku Timbalan Pesuruhjaya. Upacara sambutan ini dihadiri oleh pelbagai pegawai kerajaan, bersama isteri, dan lapisan masyarakat. Kemudiannya C.W. Dowson memulakan majlis, berucap; antara lain menyatakan Gabenor Sarawak akan memulihara adat dan budaya Sarawak. Seterusnya Datu Bandar Abang Haji Mustapha mewakili Melayu; Tan Qui Choon, Cina; Edward Jerah, Iban; dan Abdul Hamid, ketika berucap, masing-masing mengalu-alukan kedatangan Duncan George Stewart ke Sarawak sebagai Gabenor, serta menyatakan keyakinan, Duncan George Stewart akan membawa kemakmuran Sarawak. Dalam pada itu, Duncan George Stewart pula dalam ucapan balas, menyatakan terima kasih di atas sambutan, dan mengharapkan masyarakat Sarawak terus mengekalkan jalinan kerjasama bagi kesejahteraan serta kemajuan.¹²⁴

Sementara gabenor baharu dilantik, tampuk pentadbiran berubah, tetapi tidak ada berita mengenai hasil perjuangan anti-serahan Sarawak daripada Raja Muda. Oleh sebab itu mereka berpendapat "...Raja Muda itu palsu, belot dengan cakapan...". Dalam perkembangan lain, orang Cina mengibarkan bendera bintang lima lama dan baharu di Kuching pada 12 November 1949 mewakili Cina anti dan pro serahan. Langkah dan tindakan PPMS mempamerkan poster anti-serahan ketika ketibaan Duncan George Stewart mendapat sanjungan daripada pertubuhan di Kuching.¹²⁵ Dalam pada itu PPM Mukah menulis surat kepada Awang Rambli. Setiausaha Agung PPPS, mengucapkan terima kasih di atas maklumat surat bangkangan PPMS kepada Duncan George Stewart. Sehubungan ini Setiausaha Kehormat PPM Mukah memohon Awang Rambli mengirimi salinan surat bangkangan tersebut kepada PPM Mukah untuk makluman, dan simpanan PPM Mukah.¹²⁶

Oleh kerana perjuangan anti-serahan sudah lama tanpa keputusan dari *Privy Council* London menyebabkan timbul keresahan dalam kalangan pejuang. Bukan sahaja PPMS, malah PKMS juga ditanya tentang perkembangan anti-serahan. Pada November 1949, PKMS melalui setiausaha agungnya, Johari Anang memaklumkan beliau sudah lebih dua bulan tidak mendengar khabar daripada Raja Muda. Namun kandungannya berbeza dengan surat yang dialamatkan kepada Mohd. Sirat Hj. Yaman. Johari Anang menjelaskan Raja Muda tidak boleh menulis kerana soal anti-serahan Sarawak belum diputuskan oleh *Privy Council*. Seterusnya menyatakan "...kita bersama2 menunggu hingga pertengahan bulan November". Namun begitu Johari Anang masih mengakhiri suratnya dengan ungkapan "Merdeka. Tetap merdeka".¹²⁷ Kegelisahan juga timbul dalam kalangan PPM Mukah, dan menyifatkan sebagai pembohongan. Dengan itu bagi mengatasi persoalan ini, dan menegapkan semangat perjuangan ahli PPM Mukah, setiausaha PPM Mukah menulis surat bertarikh 26 November 1949 kepada Awang Rambli PPMS mencadangkan datang melawat Mukah penghujung 1949.¹²⁸

Walaupun ramai yang meletakkan jawatan sebagai tanda anti-serahan telah kembali semula bertugas, tetapi pada pertengahan 1949, gerakan anti-serahan masih menjadi

124 Jeniri Amir, *DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA: Pejuang Kemerdekaan Sarawak dalam Malaysia*, hlm.107.

125 FO 141/12343, "CPS", surat dari Kuching, hanya tandatangan kepada Awang Rambli, 14.11.49.

126 FO 141/12343, "CPS", surat Setiausaha Kehormat P.P.M. Mukah kepada Awang Rambli, Setiausaha Agung P.P.M. Sib, 17.11.49.

127 FO 141/12343, "CPS", Johari Anang, Setiausaha Agung Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak, Ibu Kantor P.K.M.S. Kuching, Sarawak kepada Encik Ibrahim Takong, tanpa tarikh.

128 FO 141/12343, "CPS", surat Setiausaha kepada Awang Rambli, Sib, 26/11/49.

perbincangan dan perbualan dalam kalangan pertubuhan anti-serahan. Antara yang aktif, dan bukan sahaja anti-serahan, tetapi seringkali membangkitkan kemerdekaan Sarawak ialah PPM Watasan Tiga, terutamanya PPMS. Tokoh yang seringkali membangkitkan kemerdekaan ialah Setiausaha Agung PPMS, Awang Rambli. Kadang kala pada surat yang ditandatangani Awang Rambli, tercatat nama D. Rosli (Rosli Dhoby) disebut sebagai “pengistihar”. Oleh itu setelah mendapat maklumat Gabenor Duncan George Stewart akan mengunjungi Sibul pada 3 Disember 1949, sebagai persiapan, PPMS menganjurkan mesyuarat tergempar di Kelab PPMS pada 7.30 malam, 2 Disember 1949. Mesyuarat ini khusus membincangkan: (1) Surat dari Raja Muda di-terima pada hari 1.12.49. (2) Surat dari Rajah Muda pada 24.11.49. (3) Surat dari William Charles Croker Lowyer [Lawyer] Raja Muda Kpda. P.P.M. Sibul 3rd Division. (4) Perkara penting fasal tanah perkuboran yang telah di-changkul oleh contractor. (5) Kedatangan Tuan Governor fasal Posters, pada hari Sabtu 3.12.49. Surat menjemput ahli datang mesyuarat ditandatangani oleh Awang Rambli, dan diakhiri dengan ungkapan “Merdeka; Tetap Merdeka”.¹²⁹

Walaupun surat bangkangan serahan Sarawak PPMS telah diserahkan kepada Duncan George Stewart oleh wakilnya Mohd. Edham pada 14 November 1949, di Istana, di Kuching, tetapi PPMS membuat keputusan menghantar lagi surat bangkangan serahan Sarawak kepada Gabenor Duncan George Stewart ketika melawat Sibul pada 3 Disember 1949. Dengan itu sepucuk surat bangkangan serahan Sarawak, bertarikh 3 Disember 1949, kepada Gabenor Duncan George Stewart, ditandangani M. Sirat (Mohd. Sirat), Presiden Agung (General President) P.P.M., dan Awang Rambli, Setiausaha Agung P.P.M. 3rd Division, Sibul. Dalam surat ini ditegaskan, SERAHAN Sarawak oleh kerajaan British adalah haram (*illegal*), satu dasar yang buruk pada pandangan rakyat Sarawak. Seterusnya berharap kerajaan British memulangkan kembali pentadbiran Sarawak kepada Raja, seperti pilihan mereka, dan berada di bawah jagaan serta naungan British sahaja.¹³⁰

Setelah hampir tiga tahun, sejak 1946, berjuang menuntut kerajaan baginda raja membatalkan serahan, dan mengembalikan kemerdekaan Sarawak; keluarga Brooke dilantik semula sebagai Raja Sarawak, serta Sarawak dikekalkan sebagai negeri lindungan British, tidak mendapat mendapat jawapan memuaskan daripada sama ada kerajaan Sarawak atau kerajaan baginda raja. Dengan itu PPMS yang bersemangat tinggi tidak lagi anti-serahan, tetapi menuntut kemerdekaan meneruskan rancangan yang diputuskan dalam mesyuarat Rukun 13. Rancangan teliti diatur untuk melaksanakan rancangan membunuh Gabenor Sarawak Duncan George Stewart ketika berada di Sibul. Oleh seperti dirancang, Rosli Dhoby mengambil amanah dan tugas menikam Gabenor Duncan George Stewart. Gabenor Duncan George Stewart datang ke Sibul pada 3 Disember 1949. Beliau diiringi antaranya, Residen Sibul Barcorft, Pegawai Derah Sibul Waine, dan Jerry Martin Superitenden Polis Sibul. Ketika gabenor memeriksa perbarisan di Sibul, Rosli Dhoby menikam gabenor dengan badik. Morshidi bin Sidek¹³¹ yang ada bersama ketika itu cuba bertindak sama, tetapi dihaling

129 FO 141/12343, “CPS”, PEMBERI TAHUAN, tandatangan Awang Rambli, Hon. Gen. Sec. P.P.M. Sibul 3rd Division, 2.12.49. Surat asal dalam tulisan dakwat merah.

130 FO 141/12343, “CPS”, Pergerakan Pemuda Melayu H/Q 3rd Division, Sibul, Sarawak kepada Yang Amat ber-hormat, Tuan Duncan George Stewart, C.M.G. at Sibul, 3rd December, 1949. Salinan 1. Kapada The Hon: Chief Secretary, Sarawak. 2. H.H. The Rajah Muda (Mr. Anthony Brooke) England. 3. The Hon: The Resident Third Division, Sibul.

131 Dalam kebanyakan rekod British, FCO menulis sebagai Morsaidi bin Sedek.

oleh polis, dan Barcorft. Gabenor Duncan George Stewart yang cedera diarahkan oleh Dr. Edwin Herbert Wallace yang turut serta dalam rombongan itu dibawa ke Hospital Sibul.¹³² Kemudiannya Gabenor Duncan George Stewart diterbangkan ke Singapura untuk mendapat rawatan lanjut. Gabenor Duncan Stewart meninggal dunia di Singapura seminggu kemudian, pada 10 Disember 1949.

Peristiwa 3 Disember 1949 dicatatkan sebagai Peringatan 3.12.1949, berjudul “Hari Ketiba’an Governor baharu ka Sibul Duncan George Stewart” dalam tulisan Jawi, dan ditransliterasi seperti berikut:

Jam 9.30 meriam telah di-bunyikan 24 kali maka ramai ahli2 Kampong telah di-gerah-kan oleh kepala kampong dan budak2 sekolah serta China yang berniaga dan apakala beliau itu telah naik darisebab nasib kurang baik kebetolan di-hadapan Mahkamah dengan sepentas itu tela di-langgar oleh dua orang pemuda (PPM) yang bersifat lemah tetapi dengan perasa’an yang gambira lalu di tumbok oleh Inchi Rosli Dhoby dua kali kebetolan terkena pahun paha termasuk kedalam apakala sahaja dilihat oleh sa-orang tukang gambar ia-itu Mohamad Edi Sedik lalu mengeroboh pula kemalangan tidak berjaya tumbok-nya itu terkena tangkap oleh penjaga. Sebalek-nya puluh lepas berlaku hal demikian kepala Police pun memberi hukuman pergi ka rumah Enchi Awang Rambli dan segra pereksa segala file2. 8 orang menjaga Club bersenjata terchabut 4 orang sentry di rumah Awang Rambli 5 naik termasuk kulit putih dan sepayo dayak semua-nya ini Inspector dan dua orang hamba police. Di-dapati 4 surat ia-itu surat pembangkangan surat Enchi Suhai surat Pa’ Johari Agenda mesyuarat tetakala 2.12.49.

- (1) Jama’in di-tahan jam pukul 2.20 petang keluar 4.12.49 jam 11.20 tepat
- (2) Governor balek 12.45 Pa’ Nor berhenti di Sibul Jam 17 Minit 25 pakai kapal terbang?¹³³

Peristiwa Gabenor Duncan George Stewart ditikam oleh Rosli Dhoby ini memberi tamparan hebat kepada kerajaan Sarawak dan baginda raja. Kerajaan Sarawak mengharamkan PPMS. Sementara itu majoriti berbagai kaum terkejut, terperanjat, dan ngeri. Juga dinyatakan ada antara mereka menyelar pembunuhan itu. Pembunuhan ini menjadi tajuk utama, antaranya dalam kalangan orang Cina. Orang Cina mengutuk pembunuhan tersebut. Melalui surat khabar Cina tempatan, berbagai pertubuhan menyatakan pujian dan sanjungan kepada Gabenor Duncan George Stewart. Walaupun begitu terdapat pertubuhan Cina, misalnya, Persatuan Hakka (Kheh), Persatuan Pekerja Kedai Kopi dan Persatuan Hap Jee (Hailam) tidak menyertai tandatangan penghormatan. Sementara itu Persatuan Pemuda Rakyat China Seberang Laut tidak diminta menyertai pujian dan sanjungan itu.

Kerajaan Sarawak mengadakan mesyuarat tergepar pada 4 Disember 1949, khusus membincangkan percubaan membunuh Gabenor Duncan George Stewart. Mesyuarat Majlis Tertinggi ini berlangsung pada pukul 8.45 pagi, dipengerusikan oleh Timbalan Gabenor C.W. Dawson, dihadiri; N.F.S. Andrew (Setiausaha Kewangan), J.M. Liston (Pengarah Perubatan dan Kesihatan), R.G. Aikman, A.J. Grattan-Bellew (Ketua Hakim), Datu Amar Abang Suleiman, dan Datu Bandar Abang Haji Mustapha. Mesyuarat merakam takziah di

132 Jeniri Amir, *DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA: Pejuang Kemerdekaan Sarawak dalam Malaysia*, hlm. 111.

133 FO 141/12343, “CPS”, Peringatan 3.12.49 Hari Ketiba’an Governor baharu ka Sibul Duncan George Stewart.

atas kejadian terhadap gabenor, dan memohon disampaikan kepada beliau di Sibü. Dalam pada itu pengerusi, C.W. Dawson juga memaklumkan kepada ahli mesyuarat, permohonan telah dibuat untuk mendapatkan bantuan pegawai perubatan, dan jururawat berbangsa Eropah; juga memaklumkan kepada isteri gabenor mengenai kemalangan menimpa suaminya. Seterusnya mesyuarat membincangkan tentang langkah yang perlu diambil kerajaan, dan kaedah menghebahkan kejadian itu kepada khalayak. Dalam hal ini mesyuarat bersetuju kerajaan tidak perlu mengisytiharkan darurat, dan mengharamkan PPMS. Sementara itu akan menghebahkan dalam akhbar, gabenor tenat; penyerang telah ditangkap, dan disoalsiasat. Kemudiannya mesyuarat, setelah mendengar pandangan Dr. Liston, gabenor perlu berihat sekurang-kurangnya dua bulan, bersetuju tugas gabenor ditanggung oleh C.W. Dawson.¹³⁴

Pada 5 Disember 1949, C.W. Dawson berangkat ke Sibü untuk melihat sendiri perkembangan selepas gabenor ditikam. Keadaan Sibü tenang, tetapi perasaan marah terhadap Melayu tinggi dalam kalangan masyarakat Iban dan Cina. Ketika berada di Sibü, C.W. Dawson berucap memberi keterangan terhadap kejadian menimpa gabenor dalam perjumpaan dengan pelbagai kaum. Dalam pertemuan tersebut, C.W. Dawson menjelaskan PPMS terlibat dalam pakatan tersebut. Seterusnya Majlis Tertinggi mesyuarat lagi pada 6 Disember 1949 pukul 2.00 petang. Dalam mesyuarat ini pengerusi, C.W. Dawson berkongsi dapatan beliau ketika melawat Sibü. Perkara penting yang dicapai sebulat suara dalam mesyuarat ini, mengambil tindakan terhadap PPMS.¹³⁵

Gerakan menyiasat dan memburu mereka yang terlibat dilakukan di kediaman anti-serahan di Kuching pada 6 Disember 1949. Gerakan ini juga dilakukan di beberapa tempat lain pada 7 Disember 1949. Antara yang menarik dalam gerakan ini dijumpai surat Anthony Brooke yang dialamatkan kepada salah seorang pemimpin anti-penyerahan. Dalam surat tersebut, Anthony Brooke menggalakkan kegiatan anti-serahan.

Selain itu dilaporkan terdapat surat Johari bin Anang, Setiausaha PKMS kepada Rambli, setiausaha agung PPMS, menyatakan penyokong anti-serahan akan menggunakan Anthony Brooke apabila keadaan sesuai. Juga menyatakan, perjuangan sebenar adalah kemerdekaan penuh Sarawak. Dalam geledahan PPM Miri, dijumpai surat yang dialamatkan kepada Johari bin Anang, bertanyakan insiden pembunuhan gabenor dan meminta nasihat tindakan seterusnya. Dalam gerakan geledah di Kuching, gagal menjejaki persatuan yang terlibat secara langsung dalam pakatan membunuh Duncan Stewart. Namun begitu terdapat bukti mereka baharu membakar dokumen berkaitan.

Sementara itu, pemangku hal ehwal pribumi melawat rumah, kebanyakan ketua kampung, dan Melayu sekitar Kuching beberapa hari selepas pembunuhan bagi mendapatkan maklumat perasaan umum terhadap pembunuhan gabenor. Mereka yang masih mempamerkan poster anti-serahan menyatakan malu dan ngeri di atas pembunuhan gabenor. Dalam pada itu empat pertubuhan anti-penyerahan di Kuching mengirim surat takziah.¹³⁶

Dalam pada itu penyokong anti-serahan menjalankan siri lawatan Kampung Dayak Darat sekitar Kuching memerangsangkan mereka mengibarkan bendera Sarawak dan mempamerkan poster anti-penyerahan. Sementara itu laporan diterima, mesyuarat rahsia

134 Jeniri Amir, *DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA: Pejuang Kemerdekaan Sarawak dalam Malaysia*, hlm. 114-116.

135 *Ibid.*, hlm. 117.

136 FO 371/84503, Sarawak & Brunei Political Intelligence Report for December 1949, "Sarawak & Brunei Monthly Political Intelligence Report For December 1949 Serial No. 12/49".

anti-serahan mencari langkah melindungi mereka yang terlibat dalam pakatan membunuh gabenor. Laporan juga menyatakan mereka sedang menguruskan hubungan dengan Indonesia untuk membantu merencanakan gerakan kemerdekaan.¹³⁷

Seterusnya dalam laporan inteligen bulan Februari 1950, terdapat tiga aspek utama yang menjadi perbualan di Sarawak. Pertama, perbincaraan Sibui; Kedua, perlantikan gabenor baharu, dan ketiga pengibaran bendera Sarawak. Masyarakat memandang negatif perbincaraan terhadap mereka yang terlibat dalam pembunuhan gabenor. Mengenai perlantikan gabenor baharu pula, berita menyatakan kumpulan anti-serahan akan menganjurkan demonstrasi. Dalam pada itu terdapat juga pakatan untuk menghalang ketibaan gabenor baharu dengan mempamerkan poster. Selain itu terdapat juga berita, seorang pemuda menyatakan kepada Johari bin Anang sanggup membunuh gabenor baharu.

Masyarakat Melayu Sarawak yang bersemangat terus melahirkan rasa tidak puas hati terhadap langkah kerajaan melarang mengibarkan bendera Sarawak. Kumpulan ini menyatakan bendera Sarawak hampir 100 tahun dikibarkan di Sarawak. Sehubungan itu mereka terus mengibarkan bendera Sarawak, contohnya ketika mengadakan mesyuarat. Selain itu poster anti-serahan juga dipamerkan. Dalam pada itu ada laporan bahawa majoriti Melayu Kuching, Sibui dan Miri menerima bendera *Union Jack* dikibarkan bersama bendera Sarawak.¹³⁸

Pada 10 Disember 1949, kerajaan Sarawak mengisytiharkan PPMS sebagai pertubuhan haram. Juga kerajaan mengharamkan PPM Matu di atas alasan terbukti menyokong kegiatan PPM.¹³⁹ Sementara itu Anthony Brooke membuat pernyataan berkaitan pembunuhan Gabenor Sarawak Duncan George Stewart. Pernyataan Anthony Brooke ini disiarkan oleh *The Times*, Sabtu, 10 Disember 1949. Antara lain Anthony Brooke menyatakan: walaupun penyiasatan pembunuhan Gabenor Sarawak masih berjalan, tetapi tidak ada sebarang laporan di England. Namun begitu dari Singapura menafsirkan sebagai jenayah tindakan politik. Salah satu pertubuhan bumiputera menentang serahan, dan mendakwa mempunyai 19 cawangan diisytiharkan haram. Juga diisytiharkan haram seluruh gerakan anti-serahan sebagai sabit jenayah. Padahal selama tiga tahun sejak Sarawak diilhakkan pada 1946, pertubuhan anti-serahan mencuba meneladani demokratik barat dalam menyatakan keabsahan kegelisahan melalui undang-undang. Matlamat mereka membatalkan serahan, dan pemulihan Sarawak sebagai negeri merdeka di bawah perlindungan British. Selain itu Anthony Brooke menyatakan lagi, pejuang anti-serahan menunjukkan contoh kesabaran terhadap siri tindakan tidak adil pemerintah untuk mengecewakan dan mengkecilkan matlamat perjuangan melalui undang-undang mereka. Pemerintah pula tidak menjawab tuntutan mereka.¹⁴⁰

Kemudiannya mereka yang terlibat dalam pakatan dan membunuh Gabenor Sarawak Duncan Stewart ditahan. Rosli Dhoby, dan Morshidi bin Sidek ditangkap kira-kira selepas seminggu gabenor dibunuh. Kedua-duanya disoalsiasat awal dalam pendakwaan yang

137 FO 371/84503, "Sarawak and Brunei Monthly Political Intelligence Report For January 1950. Serial No. 1/50".

138 FO 371/84503, "Sarawak and Brunei Monthly Political Intelligence Report For February 1950. Serial No. 2/50".

139 Jeniri Amir, *DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA: Pejuang Kemerdekaan Sarawak dalam Malaysia*, hlm. 118.

140 FCO 141/12425, "The Sarawak Crime Mr. Anthony Brooke's Statement", *The Times*, Saturday December 10 1949, Reprinted from, Printed by The Times Publishing Company, Limited, Printing House Square, London, E.C.4, England.

berlangsung pada 15 dan 16 Disember 1949, di mahkamah Sibui, di hadapan hakim F.B.K. Drake di atas tuduhan membunuh. Pendakwa perbicaraan, A.C. Eattell, Penolong Pesuruhjaya Polis Sarawak; Wong Kom Chai sebagai jurubahasa. Pendakwa memanggil 11 saksi: C.B. Murray, Penguasa Tanah dan Ukur; Sarjan Ikar atau Kikir Singh; E.H. Wallace, Pegawai Perubatan Bahagian Sibui; D.A.C. Mekei, Profesor Pembedahan Klinikal, Universiti Tanah Melayu, dan pakar bedah, Hospital Umum Singapura; J.C. Barcoft, Residen Bahagian Ketiga, Sibui; T.St. J. Dilks, Setiausaha Sulit Gabenor Sarawak; A.C. Waine, Pegawai Daerah Sibui; Konstabel Lemah Kilin, Konstabel Kartar Singh, dan Korporal Mohamad Mahaup.

Dalam sidang perbicaraan 15 Disember 1949, Pendakwa memanggil tujuh saksi memberi keterangan. Mereka ialah C.B. Murray, A.C. Waine, E.H. Wallace, T.St.J. Dilks, J.C. Barcroft, Sarjan Ikar, dan Konstabel Kartar. Rosli Dhoby dan Morshidi tidak diwakili peguam. Seterusnya mahkamah melalui Hakim F.B.K. Drake memutuskan dalam sidang mahkamah yang berlangsung pada hari kedua, 16 Disember 1949, kedua-dua, Rosli Dhoby dan Morshidi mempunyai cukup bukti untuk didakwa. Dengan itu kedua-duanya didakwa di atas tuduhan bersabit pembunuhan dan kematian Duncan George Stewart pada 3 Disember 1949. Seterusnya Hakim F.B.K. Drake mengarahkan kedua-duanya dibicarakan di Circuit Court Sibui.¹⁴¹

Sementara itu Awang Rambli bin Amit, Abang Han bin Abang Ahmad, Bujang bin Suntong, Osman bin Dollah, Mornie bin Onet, Abang Ahmad bin Abu Bakar, Awang Othman bin Awang Mohamad, Jack bin Haji Usop, Wan Zain bin Wan Abdullah, dan Che Osman bin Mohamad juga ditangkap. Kemudiannya Rosli Dhoby dan Morshidi bin Sidek dibicarakan pada 5 Januari 1950 di mahkamah *Second Circuit Court* Sibui. Perbicaraan ini dihakimi oleh Hakim D.R. Lascelles, dan lima juri: tiga Melayu, seorang Cina, dan seorang Dayak; Pendakwa Raya pula A.J. Grattan-Bellew; Penguambela mewakili Rosli Dhoby dan Morshidi, J. Pike, Penolong Pegawai Daerah Binatang. Padahal Hakim membenarkan kedua-dua tertuduh mendapatkan bantuan pembela, dan juga boleh memanggil saksi. Bagi maksud ini Hakim meminta kedua-dua tertuduh berbincang dengan Majistret. Dalam pertemuan dengan Majistret kelas dua A.C. Waine, Rosli Dhoby memohon beliau dibela sama ada D.R. Lascelles atau Datu Bandar Abang Mustapha. Sementara itu Morsidi bin Sidek pula memohon dibela oleh Datu Bandar Haji Abang Mustapha atau Dirgby.¹⁴² Permohonan Rosli Dhoby dan Morshidi Sidek mendapatkan bantuan guaman tersebut gagal. Oleh sebab itu mereka dibela oleh John Pike, penolong pegawai daerah Binatang (kini dikenali sebagai Bintangor).

Perbicaraan berlangsung pada 5 dan 6 Januari 1950. Pada 6 Januari 1950, Hakim Lascelles membaca keputusan mahkamah, Rosli Dhoby dan Morshidi bersalah, dan dijatuhkan hukuman gantung sampai mati. Awang Rambli bin Amit, Abang Han bin Abang Ahmad, Bujang bin Suntong, Osman bin Dollah, Mornie bin Onet, Abang Ahmad bin Abu Bakar, Awang Osman bin Awang Mohamad, Jack bin Haji Usop, Wan Zain bin Wan Abdullah, dan Che Osman bin Mohamad dibicara awal dalam pembentangan kes dan tuduhan pada 6 hingga 12 Januari 1950, di Mahkamah Daerah Sibui.¹⁴³ Hakim F.B.K. Drake diberi tanggungjawab

141 Mengenai perbicaraan ini, sila rujuk Nordi Achie, *Rosli Dhoby dan Rukun 13*, hlm. 126-147. Juga boleh lihat Jeniri Amir, *Rosli Dhoby Merdeka dengan Darah*, Kuching: Jenza Enterprise, 2013, hlm. 171-197. Beliau menggunakan istilah Mahkamah Lingkaran untuk Circuit Court.

142 Jeniri Amir, *DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA: Pejuang Kemerdekaan Sarawak dalam Malaysia*, hlm. 111.

143 Bob Reece, *Datu Bandar Abang Hj. Mustapha of Sarawak*, hlm. 113, 9 hingga 14 Januari 1950, dan 7 hingga 20 Februari 1950.

sebagai hakim dalam perbicaraan awal ini. Perbicaraan berakhir, Hakim F.B.K. Drake membaca keputusan mahkamah; 10 tertuduh akan dibicarakan di *Curcuit Court*. Selain itu tertuduh diminta menyerahkan nama saksi perbicaraan, jika ada kepada majistret; dan peguambela kepada *Circuit Court*.¹⁴⁴

PKMS masih bergiat cergas selepas pembunuhan Gabenor Duncan George Stewart 1949. Pada 7 Februari 1950, PKMS mengeluarkan dan mengedar “Kenyataan”, nada dan semangat tidak berubah sebagaimana dasar perjuangan mereka yang lalu. Dalam kenyataan tersebut PKMS menyeru ahli persatuan, dan rakan seperjuangan di dalam dan luar negeri, dasar perjuangan PKMS membantah serahan berpandukan peraturan dan undang-undang perlembagaan, cara demokrasi, aman dan tenteram. Seterusnya menyatakan, rakyat Sarawak menuntut pengembalian taraf kemerdekaan Sarawak yang dirampas oleh British, dan memulihkan pemerintahan Brooke di bawah naungan British, serta dengan itu rakyat Sarawak tidak benci rakyat British. Kenyataan PKMS adalah seperti berikut:

Transliterasi.

Bilangan 1 – 1950.

KENYATA-AN

Dengan nama Persatu-an Kebangsa-an Melayu Sarawak maka kita hadapkan Kenyata-an ini kepada ahli2-nya dan ahli2 sa-perjuangan dengan kita di-dalam dan di-luar negeri bahawa ada pun dasar Persatuan kita pada pemimpin perjuangan membantah serahan negara dan kebangsa-an Sarawak itu ia-lah berpandu kepada peraturan dan undang-undang perlembaga-an serta dengan jalan chara democracy, aman dan tenteram.

Tuntutan ra’ayat2 Sarawak yang halal bagi meminta kembalikan tarap kemerdekaan Sarawak yang telah terkena rampas dan bagi memuleh semula pemerintahan Brooke di-bawah naongan Keraja-an British itu ada-lah berarti ra’ayat2 Sarawak tidak benchi kepada ra’ayat British.

Pertubohan2 anti Serahan sudah memberi kuasa kepada Tuan Anthony Brooke, Raja Muda, Sarawak, pada membelakan kemerdekaan Sarawak dan segala perkara2 yang bersangkutan paut dengan serahan. Beliau dan rakan2-nya sedang berikhtiar dan berusaha dalam segala chara2 mengembalikan semula Sarawak menjadi sebuah negara yang merdeka. Kita juga mengerti bahawa dunia sekarang bertujuan bagi menghapuskan dasar penjajahan.

Langkah2 Keraja-an bagi mengambil tindakan yang melampau’ee atas pertubohan2 anti Serahan itu patut kita faham dan insafkan dan kita sambut dengan hati yang tenang dan sabar.

Persatuan kita telah dapat ketahui bahawa perkara Serahan Sarawak telah di-hadapkan oleh Yang Maha Mulia Raja Muda Sarawak kepada Mahkamah Tinggi British iaitu Privy Council. Pembuka-an dan timbangan ulang-bichara sedang kita tunggu. Persatuan kita yakin bahawa Keraja-an British akan membuka pintu ke’adilan-nya.

Kita anggota2 Persatuan Kebangsa-an Melayu Sarawak berseru kepada ahli2 sakalian yang ada di-dalam golongan majlis2 pembantu, chawangan2 dan perwakilan2 di-dalam mana2 tempat jua pun pada menentapkan hati dan bersabar.

144 Mengenai perbicaraan, dan keputusan, sila lihat Nordi Achie, *Rosli Dhoby dan Rukun 13*, hlm. 149-166.

Bekerja-lah macham biasa dengan bersungguh2 hati pada meneruskan perjuangan kita hingga chita2 yang suchi morni itu terchapai.

Dan lagi kita perchaya ahli2 sakalian menunjukkan perasaan saperti biasa ia-itu memasang poster2 anti Serahan dan menaikkan bendera kebangsaan Sarawak, dari kerna perbuatan itu tidak siapa pun boleh menegah atau mengganggu-nya.

Harap salagi bernafas,
Merdeka!

Daripada sidang Anggota
Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak

Kuching 7 January 1950.¹⁴⁵

Seterusnya perbicaraan pendakwaan terhadap 10 tertuduh berlangsung dari 6 hingga 10 Februari 1950. Seterusnya dari 10 hingga 15 Februari 1950, berlangsung pula sidang pembelaan. Kemudiannya pada 16 Februari 1950, mahkamah bersidang lagi, dan hakim D.R. Lascelles membaca keputusan mahkamah, membebaskan Jack bin Haji Usop, mendapati sembilan bersalah, dan dijatuhkan hukuman gantung sampai mati.¹⁴⁶ Penduduk Sibui, antara mereka bercakap, keputusan tersebut adalah hukuman sementara yang diputuskan oleh majistret. Keputusan akhir akan ditentukan di majistret Kuching. Mereka percaya hanya Rosli Dhoby dan Morshidi Sidek yang akan dihukum.¹⁴⁷ Dalam perkembangan seterusnya tertuduh yang diputuskan mahkamah bersalah, dan hukuman gantung itu memanjangkan rayuan. Namun begitu setelah rayuan di *Privy Council* London, hukum gantung sampai mati dikekalkan terhadap Awang Rambli dan Bujang Suntong; manakala tujuh lagi dipinda hukuman masing-masing seperti berikut: Abang Han bin Abang Ahmad dijatuhkan hukuman 15 tahun penjara; Che Osman, Osman Dollah, dan Mohamed Morni bin Onet, masing-masing 10 tahun penjara; Ahmad bin Abang Haji Abu Bakar, tujuh tahun penjara; dan Awang Osman bin Awang Mohamed, dan Wan Zain bin Wan Abdullah dikenakan hukuman penjara lima tahun.¹⁴⁸

Kemudiannya ulang bicara terhadap Rosli Dhoby dan Morshidi Sidek diadakan di mahkamah Kuching dihakimi oleh Hakim R.V. Hedges. Hakim mengekalkan hukuman, gantung sampai mati.¹⁴⁹ Rosli Dhoby dan Morshidi digantung sampai mati pada 2 Mac 1950¹⁵⁰ di Penjara Sentral Kuching (*Kuching Central Prison*) dengan alat gantung yang dibawa khas dari Singapura. Awang Rambli dan Bujang bin Suntong pula digantung pada

145 FCO 141/12345, Transliterasi Bilangan 1-1950, KENYATA-AN, daripada sidang anggota Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak, Kuching, 7 Januari 1950, dicetak di Arif Press Co., Kuching.

146 Jeniri Amir, *DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA: Pejuang Kemerdekaan Sarawak dalam Malaysia*, hlm. 113. Nordi Achie, *Rosli Dhoby dan Rukun 13*, hlm. 173. Mengenai perbicaraan sila lihat Nordi Achie, *Rosli Dhoby dan Rukun 13*, hlm. 149-173.

147 FCO 141/12345, Daily Report, F.F. Wemyss, Supt. S.B. Kuching, 25th February, 1950.

148 Jeniri Amir, *DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA: Pejuang Kemerdekaan Sarawak dalam Malaysia*, hlm. 113. Nordi Achie, *Rosli Dhoby dan Rukun 13*, hlm. 173. Mengenai perbicaraan sila lihat Nordi Achie, *Rosli Dhoby dan Rukun 13*, hlm. 149-173.

149 Jeniri Amir, *DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA: Pejuang Kemerdekaan Sarawak dalam Malaysia*, hlm. 113. R.H.W. Reece, *The Name of Brooke: The End of White Rajah Rule in Sarawak*, hlm. 277.

150 FCO 141/12345, Ag. Supt. of Prisons kepada The Hon'ble the Resident, First Division, 28th February, 1950, "Execution of condemned prisoners Rosli bin Dhobie [Dhoby] and Morshidi bin Sedik [Sidek]". R.H.W. Reece, *The Name of Brooke: The End of White Rajah Rule in Sarawak*, hlm. 277.

23 Mac 1950,¹⁵¹ juga dalam penjara Kuching. Manakala Abang Han dijatuhkan hukuman penjara selama 15 tahun; Osman bin Dollah, Morni bin Onei dan Osman Ahmad dihukum 10 tahun; Ahmad Abu Bakar, tujuh tahun; Othman bin Moh dan Wan Zain bin Wan Abdullah dihukum penjara 5 tahun. Keempat mayat yang digantung tersebut ditanam di kawasan penjara Kuching, (kemudiannya dipindahkan, dan disemadikan di perkarangan Masjid an-Nur, Sibu pada 2 Mac 1996).

Wan Zain bin Wan Abdullah dan Osman bin Moh dipenjarakan di penjara Kuching, Sarawak. Abang Han, Osman bin Dollah, Morni bin Onei, Osman Ahmad, dan Ahmad Bakar dipenjarakan di penjara Changi, Singapura. Dengan itu pada April 1950, mereka dibawa ke Singapura dengan kapal *Rajah Brooke*. Setelah beberapa tahun tinggal di Penjara Changi, pada 1953, mereka dipindahkan semula ke Penjara Kuching. Ketika berada dalam Penjara Kuching, mereka diberi peluang membuat rayuan pembebasan atau meringankan hukuman. Semua mengemukakan rayuan; namun hanya Ahmad Bakar mendapat pengampunan, dan dibebaskan pada November 1954.¹⁵²

Kerajaan Sarawak mengisytiharkan 14 hari berkabung sebagai menghormati dan mengingati kematian Gabenor Duncan George Stewart. Dalam tempoh ini semua upacara rasmi atau separuh rasmi tidak dibenarkan. Gereja Kuching diberi kebenaran melaksanakan upacara sembahyang untuk Gabenor Duncan George Stewart.¹⁵³

Tindakan dan langkah kerajaan Sarawak mengawal keamanan Sarawak menghasilkan kesan positif. *Utusan Sarawak*, sebuah akhbar Melayu yang menyokong anti-serahan pada tahun 1950 mengambil pendekatan perlembagaan dalam mendekati kumpulan anti-serahan. Penduduk Sibu, termasuk Dhoby, ayah Rosli meninggalkan Kuching, berangkat ke Sibu dengan kapal *Meluan* pada 4.00 petang, 13 Mac 1950. Ramai penduduk Kuching, termasuk Johari Anang salah seorang pemimpin utama anti-serahan menghantar keluarga Rosli Dhoby pulang ke Sibu.¹⁵⁴ Pada 14 Mac 1950, Bolhasan bin Matassip bergerak ke Mukah. Ketika berada di sini, beliau mengingatkan bekas ahli PPM Mukah supaya berhati-hati dengan tutur kata, dan menyebarkan berita palsu kerana jika berbuat demikian menjadi kesalahan besar. Sementara itu ahli PPM Mukah menunggu isyarat orang Sibu untuk memberi wang bantuan kepada Dhoby, ayah Rosli; dan Sidek, ayah Morshidi. Dalam pada itu PPM Mukah telah mengadakan kenduri tahlil mengikut adat Melayu kepada Rosli dan Morshidi.¹⁵⁵ Dalam perkembangan lain, kes rayuan Anthony Brooke dan Betram Brooke didengari lagi dalam *Privy Council* pada 30 Mac 1950, yang dihadiri: Lord Greene, Lord Simmond, Lord Normand, Lord Reid, dan Sir John Beaumont. Seterusnya *Privy Council* melalui Lord Normand menyampaikan keputusan, menasihat Baginda Raja (*His Majesty*), rayuan sewajarnya ditolak.¹⁵⁶ Pada 31

151 FCO 141/12345, Ag. Supt. of Prison kepada The Non'ble the Resident, First Division, 20th March, 1950, "Execution of condemned prisoners Awang Rambli bin Amit and Bujang bin Suntong". FO 371/84503, "Sarawak and Brunei Monthly Political Intelligence Report For March 1950. Serial No. 3/50". Jeniri Amir, *DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA: Pejuang Kemerdekaan Sarawak dalam Malaysia*, hlm. 113.

152 Jeniri Amir, *Rosli Dhoby Merdeka dengan Darah*, hlm. 237-239.

153 Jeniri Amir, *DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA: Pejuang Kemerdekaan Sarawak dalam Malaysia*, hlm. 121.

154 FCO 141/12345, Daily Report, F.F. Wemyss, Supt. S.B. Kuching kepada Special Branch, Sarawak Constabulary, Kuching, 14th March, 1950.

155 FCO 141/12345, Memorandum Information, "BolHassan's visit to Mukah", F.F. Wemyss, Supt. S.B. Kuching kepada O.S.S. Sibu, 23.3.50.

156 FCO 141/12440, "CCCB", Judgment of the Lord of the Judicial Committee of the Privy Council delivered by 30th March 1950, delivered by Lord Normand.

Mac 1950, Pesuruhjaya, Kuching memaklumkan kepada Residen Brunei melalui telegram, rayuan Brooke ke *Privy Council* telah ditolak.¹⁵⁷ Sementara itu langkah diambil menerbitkan akhbar, *Pedoman Ra'ayat* pada 24 Mac 1950 yang bermatlamat menyangkal sebarang laporan tidak tepat *Utusan Sarawak*.¹⁵⁸ Kemudiannya pada 3 April 1950, Anthony Foster Abell, C.M.G.¹⁵⁹ tiba di Kuching, Sarawak menyandang jawatan Gabenor Sarawak. Seterusnya upacara pelantikan gabenor dilangsungkan pada 4 April 1950, dan upacara ini berjalan lancar tanpa bantahan.¹⁶⁰ Dalam pada itu, beberapa hari sebelum ketibaan gabenor baharu, tiga orang yang disyaki merancang menyerang gabenor ditangkap. Begitu juga kegiatan anti-serahan Pergerakan Melayu Miri di Miri berakhir,¹⁶¹ hanya beberapa orang yang ekstrim meneruskan kegiatan. Pemergian Awang Rambli dan rakan perjuangan diabadikan oleh Cikgu Othman, menggunakan nama pena, A.T. Othman dalam sebuah peringatan yang dimuatkan dalam majalah *Hiboran*, No. 143, 15.5.1950. Peringatan tersebut seperti berikut:
Rakan Sa-perjuangan

Dahulu semasa hidup-mu
Masa ber-suka dan duka
Dengan senyuman mu nan ber-irama

Kau selalu memuput perasa'an
Agar hidup menyembah bakti
Di-persada ibuanda
Umpama bunga sedang kembang,
Sayang kau telah pergi,
Ta' kunjong pulang

Kau melukis kan se jarah tanah ayer
Gugor dengan tiqad nan suchi
Bertabor uri,
Dek melati melempah wangi,
Nama dan jasa mu,
Di-tulis dengan tinta mas,
Ta' luput dari ingatan

By A.T. Othman¹⁶²

157 FCO 141/12440, "CCCB", telegram Pessuruhjaya Kuching kepada Residen Brunei, 31 Mac 1950.

158 FO 371/84503, "Sarawak and Brunei Monthly Political Intelligence Report For March 1950. Serial No. 3/50".

159 Sir Anthony Foster Abell dilahirkan pada 1906. Beliau adalah lulusan Magdalen College, University Oxford, London. Beliau pernah berkhidmat di Nigeria, dan jawatan terakhir sebagai Residen Wilayah Oya, Afrika Barat. Sir Anthony Foster Abell menyandang jawatan Gabenor Sarawak sehingga 16 November 1959. Jeniri Amir, *DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA: Pejuang Kemerdekaan Sarawak dalam Malaysia*, hlm. 122; 123.

160 FCO 141/12345, F.F. Wemyss, Supt. S.B. Kuching, Daily Report, 4th April 1950.

161 *Ibid.*

162 FCO 141/12345, Residents Office, Sibru kepada Aikman, 18th June, 1950, terlampir "Memorial to Awang Rambli and Co.,".

Sementara itu kumpulan anti-serahan dan penyokong serahan sudah mula berbaik dan berkerjasama. Misalnya dalam upacara kenduri kahwin yang berlangsung di Santubong pada 11 Jun 1950, kedua kumpulan anti dan penyokong serahan hadir. Berikutnya pada keluaran 22 Jun 1950, pertama kali *Utusan Sarawak* tidak menyiarkan propaganda anti-penyerahan.¹⁶³ Pada 1951, setelah rayuan tuntutan terhadap Sarawak ditolak *Privy Council*, Anthony Brooke membuat isytihar arahan kepada golongan anti-serahan supaya memberhentikan perjuangan mereka.¹⁶⁴

Kesimpulan

Sejak PKMS menggerakkan, kemudiannya meneruskan gerakan anti-serahan, Johari bin Anang selaku Setiausaha Agung adalah tokoh utama menyemarakkan semangat, dan mengembling tenaga, khususnya Melayu Sarawak menentang Sarawak sebagai Mahkota British. Segala peranan dan sumbangan Johari bin Anang terserlah dalam surat menyuarat beliau yang terkumpul dalam kumpulan surat yang dirujuk sebagai *Cession Papers Seized*. Dalam pada itu sumber sekunder yang dirujuk juga menjelaskan peranan dan sumbangan Johari bin Anang tersebut. Dengan itu dalam memori sejarah perjuangan anti-serahan, dan kemerdekaan Sarawak sumbangan serta peranan Johari Anang tidak dapat disangkal lagi adalah teramat penting. Sehubungan itu Johari Anang ialah seorang patriot dan nasionalis yang meninggalkan kesan yang amat besar dalam memori kesejarahan perjuangan politik menentang penjajahan British di Sarawak.

163 FO 371/84503, "Sarawak and Brunei Monthly Political Intelligence Report For June 1950. Serial No. 6/50".

164 Mohd. Hasbie bin Sulaiman, Haji, *Perjuangan Anti-Cession Sarawak*, hlm. 214-215.

SINGKATAN

ABAS	-	Astana – Bintawa Angkatan Saturday
ASAS	-	Angkatan Semangat Anaknegeri Sarawak
BPS	-	Barisan Pemuda Sarawak
CAB	-	War Cabinet and Cabinet
CCCB	-	Cession Case in Courts of Brunei
CO	-	Colonial Office
CPS	-	Cession Papers Siezed
FCO	-	Foreign and Commonwealth Office
FO	-	Foreign Office
PASPAM	-	Persatuan Sahabat Pena
PDS	-	Persatuan Dayak Sarawak
PKMS	-	Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak
PMS	-	Persatuan Melayu Sarawak
PPM	-	Pergerakan Pemuda Melayu
PPMS	-	Pergerakan Pemuda Melayu Sibul
YMA	-	Young Malay Association